

Jilid II  
Bil. 30



Hari Rabu  
10hb Oktober, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4417]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif [Ruangan 4457]**

**Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan)**  
[Ruangan 4489]

**USUL-USUL:**

**Akta Prosedur Kewangan 1957—**

**Memotong Butiran “Exploitation of Minerals in Malay Reservation Loan Fund” [Ruangan 4480]**

**Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960—Caruman Tambahan Malaysia [Ruangan 4483]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN O OGIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT<sup>3</sup> GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb Oktober, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PENGHARAMAN CERAMAH  
POLITIK—KESAN

**1. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kesan-kesan politik yang positif dan juga negatif hasil pengharaman ceramah-ceramah politik di beberapa buah negeri di negara ini.

**5. Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan beliau mengeluarkan perintah mengawal ceramah-ceramah politik baru-baru ini. Bagaimanakah berkesannya arah ini dan apakah hasilnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang hampir-hampir sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada Dewan hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa mengeluarkan perintah-perintah kepada pihak Polis mengawal ceramah-ceramah di negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu sejak 6hb Ogos yang lalu setelah mengkaji dengan teliti dan mendalam serta mengambil kira beberapa faktor yang tertentu terutamanya berhubung dengan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Pihak Kerajaan terpaksa bertindak dengan tegas kerana bimbang kegiatan-kegiatan seperti itu yang tidak dikawal akan memberi kesempatan kepada golongan atau individu-individu tertentu untuk menjalankan kegiatan-kegiatan mereka yang mana akan membawa kepada perpecahan kaum dan seterusnya menimbulkan ketegangan dan mencetuskan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara. Bukanlah hasrat Kerajaan dengan mengeluarkan perintah-perintah tersebut bertujuan untuk menindas atau menyekat kebebasan parti-parti politik di negara ini tetapi sebaliknya Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan dan mengawal keamanan dan ketenteraman awam dari sebarang ancaman.

Hasil daripada tindakan tersebut Kerajaan telah berjaya mengawal dan menenangkan keadaan serta memulihkan keyakinan orangramai. Dalam hal ini Kerajaan sama sekali tidak akan bertolak ansur dengan

mana-mana golongan atau individu-individu yang cuba memperalatkan isu agama dan sentimen perkauman bagi kepentingan mereka sendiri atau golongan-golongan tertentu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa Kerajaan sanggup memberi kelonggaran kepada parti-parti politik untuk mengadakan ceramah maka suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk membenarkan parti-parti politik mengadakan ceramah tanpa mendapat kebenaran daripada pihak Polis dan juga sampai ke peringkat di mana parti-parti politik boleh mengadakan rapat umum selaras dengan sebuah Kerajaan terbuka yang sentiasa dilauung-laungkan oleh Kerajaan?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa keadaan telah pun pulih seperti sediakala bahawa inginlah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Kerajaan telah pun mengeluarkan arahan hari ini juga supaya ceramah-ceramah dibenarkan dalam negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

Tetapi inginlah saya menjelaskan di sini bahawa rapat umum yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu tidak termasuk dalam arahan iri kerana mengikut undang-undang yang terdapat sekarang rapat umum masih tidak dibenarkan.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepanjang pengharaman ceramah-ceramah politik yang dilakukan di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berapa banyak ceramah haram yang dilakukan oleh parti-parti politik sepanjang pengharaman tadi.

Yang kedua, apakah bentuk ceramah yang diadakan dalam masa pengharaman itu?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin notis untuk menjawab soalan itu dengan tepat. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa beratus-ratus ceramah telah diadakan dan pihak Polis telah pun sedang menjalankan siasatan terhadap lebih kurang 20 ceramah yang diadakan selepas pihak Polis mengeluarkan arahan supaya pihak-pihak penganjur tidak mengadakan ceramah.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pengertian atau istilah ceramah sebab yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah dinamakan ceramah juga dengan mengadakan perjumpaan di anjung rumah memakai microphone dengan beribu orang sudah ada di tanah?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang istilah ceramah ini tidak tercatat di dalam undang-undang yang mengawal larangan terhadap mengadakan perjumpaan. Undang-undang ini menyebut hanya Peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Larangan Terhadap Perarakan Dan Perhimpunan Dalam Kawasan-kawasan Keselamatan) 1966. Jadi sebarang perhimpunan baik pun ceramah ataupun perjumpaan diharamkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tindakan Kerajaan untuk mengharamkan ceramah-ceramah adalah satu perbuatan yang menafikan hak-hak golongan-golongan tertentu termasuk pihak pembangkang untuk mengadakan kebebasan untuk berucap.

Soalan saya ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tindakan-tindakan Kerajaan tersebut telah menimbulkan soalan di antara rakyat keseluruhannya bahawa mungkinlah Kerajaan menghadkan kebebasan untuk berucap bukanlah oleh kerana pihak pembangkang mengancam keselamatan negara kita tetapi pihak pembangkang akan mengancam keselamatan dan kepentingan Barisan Nasional.

Kedua, adakah benar bahawa langkah Kerajaan menafikan hak-hak pihak Pembangkang untuk berucap dan berkumpul dengan bebas adalah akibat daripada sikap pihak Kerajaan yang menganggap rakyat negara kita sama dengan kanak-kanak muda yang tidak dapat membuat keputusan diri sama ada apa yang diucapkan oleh pihak Pembangkang adalah betul atau tidak betul.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyekat kebebasan berpolitik, sebab itulah baru hari ini selepas memandangkan keadaan telah pun pulih seperti sedia kala Kerajaan mengeluarkan arahan supaya parti-parti politik yang terdapat di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis boleh mulai pada hari ini mengadakan ceramah politik mereka asalkan tidak terlampau.

#### **MAKANAN TEMPATAN— PENGELUARAN MENCUKUPI**

**2. Datuk Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Pertanian menyatakan dengan adanya dasar kependudukan yang baru, apakah strategi jangka panjang yang telah dirancang untuk memastikan pengeluaran makanan tempatan sentiasa mencukupi.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, strategi jangka panjang pengeluaran makanan bagi negara kita akan berteraskan kepada strategi-strategi yang digariskan di dalam Dasar Pertanian Negara seperti pembukaan tanah baru, pembangunan in-situ, memperkemaskan pelbagai perkhidmatan sokongan seperti penyelidikan dan pemasaran serta juga pembangunan sosial dan institusi bagi meningkatkan lagi pengeluaran bahan makanan negara.

Strategi-strategi yang disebutkan tadi akan disokong oleh pelbagai pendekatan bukan sahaja ke arah mempergiatkan pengeluaran bahan-bahan makanan tetapi juga menentukan supaya pengeluaran mendapat pulangan yang baik dan pengguna-pengguna menerima harga yang berpatutan.

Pendekatan yang dimaksudkan termasuklah mengusahakan tanah-tanah pertanian secara berkelompok dan mini estet dengan pengurusan dan penggunaan teknologi moden supaya sumber-sumber negara dapat diterokai dengan lebih cekap.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya semua cadangan-cadangan itu sangat menarik di atas kertas sahaja. Soalan, iaitu tanah dan hak tanah itu ialah hak-hak Kerajaan-kerajaan Negeri, jadi apa-apa cadangan Kerajaan Pusat tidak boleh dilaksanakan oleh sebab tanah itu tidak dapat diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Jadi, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat untuk mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri supaya segala tanah-tanah yang diperlukan boleh didapati dengan senangnya dan masalah pengeluaran makanan tidak akan timbul lagi.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan Persekutuan sentiasa ada hubungan rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan misalnya Menteri Pertanian sentiasa ada mesyuarat dengan Pengerusi EXCO Pertanian peringkat negeri supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bertindak secara berharmoni dan tanah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sentiasa merupakan satu isu yang sentiasa dirundingkan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dan apa-apa projek yang disyorkan oleh Kementerian Pertanian tentulah memerlukan sokongan daripada Kerajaan Negeri dari segi tanah dan saya boleh jelaskan di sini bahawa pada masa ini hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri baik sekali.

**ANASIR MELEMAHKAN  
SEMANGAT KEBANG-  
SAAN/PERPADUAN  
RAKYAT**

**3. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa ada anasir-anasir yang telah dan sedang bergiat dengan cergas bagi melemahkan semangat kebangsaan dan perpaduan rakyat, apakah langkah-langkah Kerajaan mengatasinya.

**Pemangku Perdana Menteri (Dato Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa terdapat di negara ini anasir-anasir yang sedang bergiat cergas bagi melemahkan semangat kebangsaan dan perpaduan rakyat dengan memperalatkan Islam untuk kepentingan politik mereka. Antara lain, anasir-anasir ini menuduh bahawa perjuangan parti dan Kerajaan Barisan Nasional, khususnya UMNO, yang berlandaskan semangat kebangsaan atau nasionalisma bertentangan dengan Islam kerana

ianya dikatakan "Assabiyah", iaitu sesuatu golongan yang menolong kaumnya atas dasar kezaliman. Tuduhan mereka ini dikaitkan dengan Hadis yang bermaksud: "Bukan dari golongan ku sesiapa yang menyeru kepada Assabiyah dan bukan dari golongan ku sesiapa yang mati atas jalan Assabiyah".

Sebenarnya, perjuangan nasionalisma bukan merupakan Assabiyah kerana mengikut huraian Hadis, Assabiyah itu ialah seseorang yang menolong kaumnya atas dasar kezaliman. Nasionalisma yang menjadi asas perjuangan UMNO adalah asas perjuangan untuk menebus maruah dan kemerosotan ekonomi bangsa Melayu yang telah tertindas sejak zaman berzaman di bawah belunggu penjajah sehingga negara kita mencapai kemerdekaan. Ini dikaitkan pula dengan konsep nasionalisma yang lebih luas meliputi masyarakat majmuk negara kita Malaysia. Ianya tidak wujud langsung unsur-unsur kezaliman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa parti dan Kerajaan Barisan Nasional, khususnya UMNO, akan terus berpegang teguh dan berkeyakinan penuh bahawa hanya semangat nasionalisma sahaja yang akan dapat menjadi benteng bagi kita menghadapi apa jua cabaran, sama ada dari dalam mahu pun dari luar negeri.

Dalam hal ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kita semua kepada kenyataan:

- (i) bahawa semangat nasionalismalah yang telah membebaskan negara kita dari cengkaman dan belunggu penjajah sehingga kita berjaya mencapai kemerdekaan;
- (ii) bahawa semangat nasionalismalah yang menjadi impetus atau pendorong kepada kita untuk berjuang

berhabis-habisan menentang dan menewaskan ancaman komunis;

- (iii) bahawa semangat nasionalisma jugalah yang menjadi kunci utama sehingga membolehkan kita berjaya membina sebuah negara Malaysia yang stabil, aman dan makmur sehingga kita kini dihormati serta “berdiri sama tinggi, duduk sama rendah” dengan negara-negara lain di dunia termasuk negara-negara sedang membangun dan negara-negara Islam yang lain.

Oleh itu, jelaslah kepada kita semua bahawa kita tidak mempunyai pilihan lain selain dari terus menghayati perjuangan yang berasaskan nasionalisma.

Kita seharusnya sedar dan insaf bahawa dalam sejarah dan pengalaman dunia luar menghadapi beberapa krisis, sama ada krisis itu meliputi peringkat antarabangsa atau rantauan mahu pun ideologi, nasionalisma telah memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan ketahanan atau resilience nasional bagi menghadapi krisis-krisis itu berasaskan kepada tiap-tiap satu entity nasional negara-negara yang berkenaan. Sebagai lanjutan, nasionalisma yang wujud dalam setiap entity inilah yang menyebabkan kita berjaya mewujudkan kestabilan dan kerjasama antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa di kalangan kaum belia khususnya konsep “internasionalisma” adalah merupakan satu idealisma yang sangat menarik. Oleh kerana tarikan inilah maka anasir-anasir anti nasional ini menumpukan sasaran mereka kepada kaum belia sebagai kumpulan sasar bagi mencapai matlamat mereka.

Bagi mematahkan niat jahat anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab

ini, maka Kerajaan telah dan sedang mengambil berbagai langkah yang sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) pendedahan tentang kegiatan anasir-anasir anti nasional ini dari masa ke semasa supaya rakyat jelata sentiasa beringat dan berwaspada;
- (ii) menyesuaikan serta mengemaskinikan strategi pelaksanaan dasar pelajaran kita dengan keperluan semasa; dan
- (iii) menentukan kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mana matlamatnya adalah untuk memberi tempat kepada setiap rakyat di negara ini.

Dengan cara ini, adalah diharapkan apabila kita berjaya mencapai matlamat yang diidam-idamkan ini kelak, kita semua akan lebih berbangga sebagai rakyat negara Malaysia yang dicintai ini dengan ketahanan berasaskan nasionalisma.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah masalah-masalah semacam tidak mahu hormat kepada bendera nasional dan tidak mahu menyanyi anthem nasional Negaraku dalam institut-institut pelajaran atau sekolah-sekolah, masalah-masalah yang serius dan kalau begitu apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini?

**Dato Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini keadaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak serius, walaupun sudah ada muncul satu dua kes yang tertentu. Apabila kes ini timbul maka Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan. Walaupun

dalam jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi banyak perkara yang boleh disoal, tetapi saya minta satu, iaitu adakah beliau sedar bahawa takrif "zalim" . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kurang dengar, minta kuatkan suara sedikit.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Ya, penyakit Mekah masih ada lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Walaupun dalam jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi banyak perkara yang boleh disoal, tetapi saya minta satu, iaitu adakah beliau sedar bahawa takrif "zalim" yang digunakan oleh Rasullullah s.a.w. itu serupa dengan takrif "zalim" yang diguna oleh orang Melayu, sedangkan dalam Quran ada lagi perkara-perkara yang disebut "zalim", tetapi benda itu tidak disebut oleh orang Melayu benda itu "zalim"?

**Dato Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mahu berhujah dengan Ahli Yang Berhormat dari segi takrif yang boleh ditafsirkan oleh pihak yang diwakilinya, tetapi setahu saya takrif "zalim" yang digunakan oleh orang Melayu itu ialah berasas kepada fahaman dan tafsiran orang Melayu yang memahami akan agama Islam dan yang telah begitu lama menganuti agama Islam. Saya percaya bahawa takrif "zalim" yang saya sebutkan tadi sama juga dengan takrif "zalim" yang boleh digunakan oleh sesiapa yang hendak menggunakannya di kalangan masyarakat kita melainkan mereka yang bertujuan politik negatif yang memutarbelitkan takrif itu. (*Tepuk*).

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada

menyatakan tentang hal terdapatnya golongan-golongan politik yang mentafsirkan hadis-hadis Nabi secara tidak tepat dengan kehendak yang dikehendaki.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apakah tindakan yang berkesan oleh pihak Kerajaan dalam menghadapi golongan yang dikatakan menggunakan Islam untuk kepentingan diri mereka, kerana perjuangan menegakkan Islam dalam negara ini bukan baru tumbuh, malah sama lama dengan perjuangan kemerdekaan negara ini. Jadi saya ingin tahu tindakan yang Kerajaan lakukan dalam soal pendedahan keburukan yang dilakukan oleh golongan ini bukan secara memberkas dan menangkap mereka, tetapi pernah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bahawa perjuangan untuk menentang golongan ini hendaklah bermula daripada mc dan mereka sendiri.

**Dato Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, ada berbagai-bagai peringkat untuk Kerajaan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini. Oleh sebab mereka yang terlibat menggunakan Islam, menggunakan agama bagi kepentingan politik mereka, maka faktor politik ini diutamakan di mana parti politik yang berkenaan seperti UMNO mengambil tindakan mematah hujah-hujah dan penyalahgunaan agama yang digunakan oleh anasir-anasir ini, supaya dapat rakyat jelata memahami bahawa apa juga tindakan yang diambil oleh golongan yang tertentu ini sebenarnya bukan untuk kepentingan agama tetapi untuk kepentingan politik mereka. Itu satu peringkat.

Peringkat kedua ialah untuk kita memperhibatkan apa juga pergerakan kita dari segi kita menyebarkan pengetahuan berhubung dengan

agama dari peringkat serendah-rendahnya, iaitu di bangku sekolah sehinggalah di peringkat masyarakat umum yang berasaskan kepada pergerakan dakwah, di mana kita sedaya-upaya berikhtiar dengan mengatur langkah-langkah dan strategi serta pelaksanaan untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam, yang berasas pengetahuan yang benar mengikut apa yang diberitahu oleh alim ulama di dalam negara kita ini.

Dari segi penangkapan dan sebagainya saya suka mengingatkan di sini bahawa penangkapan yang dibuat oleh Kerajaan tidak kena-mengena dengan aktiviti agama seseorang. Penangkapan ialah merupakan last resort ataupun tindakan yang terakhir di mana aktiviti seseorang itu akan dianggap sebagai mengancam keselamatan negara, itu sahaja, selain daripada itu tidak berbangkit, itu soal lain.

#### **IMBANGAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

**4. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah dan strategi-strategi yang Kerajaan sedang susun untuk mempertimbangkan kedudukan perdagangan kita dengan negara-negara asing yang mana menguntungkan negara-negara kita.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan khususnya Kementerian saya telah dan akan terus berusaha untuk mendapatkan imbalan perdagangan keseluruhannya yang lebih baik bagi Malaysia.

Kerajaan juga menyedari bahawa pada masa ini Malaysia mengalami deficit perdagangan dengan beberapa rakan perdagangan kita dan

fenomenan ini tidak semestinya dilihat sebagai satu perkembangan yang buruk, malahan apa yang penting adalah prestasi imbalan perdagangan luar Malaysia pada keseluruhannya bukan imbalan secara individu dengan negara-negara tertentu. Walau bagaimanapun imbalan secara individu dengan negara tertentu juga penting bergantung kepada trend deficit dan sekiranya keadaan menunjukkan kita terus mengalami deficit Malaysia perlu mengambil perhatian serius dan menimbang berbuat sesuatu bagi mengatasinya.

Di sini ingin saya menyatakan bahawa perangkaan interim menunjukkan Malaysia telah memperolehi lebih perdagangan sebanyak \$2,498.6 juta dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 1984 berbanding dengan lebih perdagangan sebanyak \$335.2 juta dalam tempoh yang sama bagi tahun 1983.

Bagi keseluruhan tahun 1983 Malaysia memperolehi lebih perdagangan sebanyak \$2,107.2 juta dan bagi tahun 1984 lebih perdagangan Malaysia dijangka akan mencapai angka \$4,726 juta. Dalam hal ini perlu juga diambil perhatian bahawa defisit perdagangan dengan sebahagian daripada rakan perdagangan kita merupakan sesuatu yang biasa dalam perdagangan antarabangsa dan tidak semestinya dilihat sebagai satu perkembangan yang membimbangkan. Umpamanya, kurangan perdagangan dengan negara Jepun adalah disebabkan Malaysia sedang pesat dalam proses pembangunan yang perlu mengimport barangan seperti kelengkapan jentera pengangkutan dan perhubungan, bahan-bahan binaan serta jentera untuk sektor perkilangan dan pertanian. Begitu juga kita banyak mengimport bahan-bahan makanan seperti gandum, gula dan bahan-bahan tenusu dari Australia yang merupakan

pembekal barang-barang pertanian yang cekap. Pembelian daripada sumber-sumber yang tercekap adalah penting untuk menentukan bahawa barangan yang diimport mempunyai harga dan mutu yang memuaskan.

Sukacita saya menyatakan iaitu Kerajaan telah mengatur beberapa langkah untuk membaiki keadaan secara keseluruhannya serta untuk memperimbangkan kedudukan imbalan perdagangan dengan negara-negara asing yang mana imbalan perdagangan menguntungkan negara-negara berkenaan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti yang saya hendak hurai berikut:

- (1) menimbang untuk mendapatkan bekalan negara daripada sumber-sumber lain yang cekap mengeluarkan barang-barang yang dikehendaki. Dengan cara ini adalah dijangka negara kita akan dapat mengurangkan defisit perdagangan dengan negara-negara yang berkenaan;
- (2) menggalakkan eksport barang-barang keluaran Malaysia, terutamanya barang-barang perkilangan. Kegiatan galakan eksport ini dijalankan melalui pejabat-pejabat perdagangan yang terletak di pusat-pusat perdagangan utama di luar negeri. Pada masa ini terdapat sebanyak 30 buah pejabat perdagangan di luar negeri yang sedia memberi berbagai perkhidmatan kepada para pengeksport Malaysia dan pengimport daripada negara-negara di mana mereka bertugas. Di antara kegiatan yang diberi tumpuan ialah membuat kajian pasaran dan mengenal pasti peluang-peluang pasaran yang lebih luas kepada barang-barang Malaysia dan maklumat-maklumat tersebut

disebarkan kepada para pengeluar dan pengeksport Malaysia;

- (3) menghantar rombongan dan menyertai pameran perdagangan di pasaran tertentu di luar negeri. Dalam tahun 1984, Kementerian saya telah merancang untuk mengadakan 5 rombongan perdagangan menyertai 4 pameran perdagangan antarabangsa dan mengendalikan 2 pameran perdagangan di luar negeri. Penghantaran rombongan dan penyertaan dalam pameran perdagangan akan meliputi pasaran tradisi di negara-negara maju dan pasaran baru di negara-negara membangun seperti Asia Barat, Amerika Latin dan Republik Rakyat China;
- (4) menyertai di dalam rundingan dan persidangan anjuran agensi-agensi ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berusaha untuk mewujudkan suasana yang sesuai bagi meningkatkan perdagangan antarabangsa. Di sini Malaysia akan terus meminta negara-negara maju membuka pasarannya dan menghentikan amalan perlindungan;
- (5) memperkenalkan dan menggalakkan eksport secara "counter trade", terutamanya dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing seperti Negara-negara Eropah Timur dan negara-negara di mana Malaysia mengalami defisit dalam imbalan perdagangan. Amalan "counter trade" ini juga diperkenalkan dengan syarikat-syarikat luar yang mendapat tender menjalankan projek-projek pembangunan di negara kita.

Saya percaya melalui langkah-langkah ini akan dapat memperbaiki lagi kedudukanimbangan perdagangan Malaysia dengan negara-negara di mana kita mengalami defisit serta jugaimbangan perdagangan secara keseluruhannya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari segi pasaran untuk eksport-eksport negara kita, negara-negara maju pada masa sekarang adalah mengalami kemelesetan dan kemerosotan ekonomi mereka, jadi negara kita selalu menghadapi masalah perlindungan dalam proses mencari pasaran. Jadi, dalam forum-forum rundingan antarabangsa, terutama sekali dalam sistem GSP, apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan supaya sistem GSP ini diperluaskan dan kuota-kuota untuk bahan-bahan eksport kita seperti tekstil dan sebagainya boleh didapati supaya lebih menguntungkan negara kita dan apakah cadangan pihak Kerajaan untuk mendapat pasaran-pasaran yang lain di negara-negara seperti ASEAN dan negara-negara Latin Amerika.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah saya nyatakan tadi kita sering mengadakan rundingan dengan negara-negara yang menjadi rakan perdagangan kita dan kita yang mengalami sekatan ataupun kurang untuk mendapat excess ataupun kemasukan barang-barang kita dalam pasaran-pasaran tradisi ini juga mengadakan berbagai-bagai perjanjian dengan negara-negara tersebut dan kesemuanya ini dilakukan sama ada secara dua hala ataupun menerusi kumpulan-kumpulan seperti ASEAN ataupun menerusi badan-badan yang ditubuhkan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu misalnya dan perkara ini dijalankan sepanjang masa dan tak dapat saya hendak membutirkan satu persatu

tentang perjanjian yang dibuat di antara satu negara dengan kita oleh kerana ada kalanya perjanjian-perjanjian itu memberi tekanan yang berlainan kepada masalah-masalah yang dihadapi ini. Tetapi, suka saya maklumkan bahawa perkara ini dijalankan secara terus-menerus untuk mendapat pasaran bagi eksport kita.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri iaitu salah satu faktor yang memberi kesan kepadaimbangan perdagangan kita ialah soal harga import barang-barang. Saya hendak bertanya adakah satu dasar ataupun apa-apa langkah di mana di dalam kita membeli daripada negara-negara luar, kita memastikan bahawa kita membeli daripada punca-punca yang memberikan harga yang berpatutan dan competitive daripada negara-negara tersebut supaya kita dapat mengelakkan pembelian daripada punca-punca yang harganya tidak competitive.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita suka membeli daripada punca-punca yang boleh menawarkan bekalan dengan harga yang murah ataupun competitive, tetapi biasanya tak dapat kita hendak menentukan bahawa bekalan seumpama itu akan dapat dijamin supaya kita mendapat bekalan secara terus-menerus dengan mencukupi keperluan negara. Umpamanya soal bekalan gula kadangkala kerana kenaikan gula ini, harganya naik turun dengan cepat dan tak dapat pula kita hendak menjamin bekalan dengan cukup, maka kita telah mengikat perjanjian dengan Australia, Fiji misalnya untuk menjamin supaya bekalan itu mencukupi keperluan negara dan kadangkalanya kalaulah harga itu kurang, kita sudah pun terikat dengan perjanjian yang telah kita meterikan tempoh hari, maka tak dapatlah kita

hendak turunkan harga bagi belian yang telah pun dibuat oleh kita di bawah perjanjian tersebut. Tetapi walau bagaimanapun, biasanya kita cuba mencari punca-punca yang boleh menawarkan bekalan dengan harga yang berpatutan, asalkan bekalan itu adalah terjanim.

Kita mengamalkan dasar bebas dalam perdagangan kita (free enterprise) yang membolehkan pedagang-pedagang kita memilih punca-punca bekalan barang-barang yang dikehendaki oleh mereka, maka tak dapat kita hendak menentukan di manakah punca yang patut dan perlu dipilih oleh pedagang-pedagang kita. Ini terpulanglah kepada mereka untuk menentukan apakah sesuatu bekalan barang yang ditawarkan itu murah dan berpatutan untuk mereka membelinya, tetapi sememangnya pedagang-pedagang kita memilih daripada punca-punca yang boleh menawarkan harga barang-barang dengan agak competitive juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab bersama-sama dengan soalan yang pertama.

#### JALANRAYA TANAH MERAH/PASIR MAS/ KOTA BHARU

**6. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak membesarkan jalanraya dari Tanah Merah ke Pasir Mas dan Pasir Mas ke Kota Bharu dan sekiranya ada, maka bilakah cadangan ini hendak dilaksanakan dan dijangka akan siap dan berapakah jumlah perbelanjaannya.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang mempunyai cadangan untuk meningkatkan taraf kedua-dua jalanraya dari Tanah Merah ke Pasir Mas dan Pasir Mas ke Kota Bharu itu. Tindakan sedang diambil untuk memasukkan cadangan ini ke dalam Rancangan Malaysia Kelima. Perbelanjaan bagi melaksanakan kedua-dua jalanraya ini adalah dianggarkan berjumlah sebanyak \$50 juta. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan di sini bahawa pelaksanaan kedua-dua projek ini adalah bergantung kepada adanya peruntukan yang akan disediakan oleh Kerajaan untuk tujuan ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah beliau sedar bahawa jalan Tanah Merah/Pasir Mas itu boleh dikatakan suatu jalan yang agak ganjil di mana jalan yang sepanjang tidak sampai 20 batu itu kalau kita berjalan daripada Tanah Merah kita jumpa dengan tar, sebatu kemudian kita jumpa pula dengan tanah merah biasa, kemudian kita jumpa lagi dengan tar dan begitulah hingga sampai ke Pasir Mas. Saya minta maaf kepada Menteri Kerjaraya hingga ada orang menyebut bahawa inilah dikatakan jalan Samy Vellu. Jadi, adakah Menteri sedar? (*Ketawa*).

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengisytiharkan jalan itu atas nama saya (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 6 bulan yang lalu saya sendiri lalui di atas jalan itu untuk mendapat tahu kedudukan jalan, selepas itulah kita telah menghantarkan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan dan juga untuk memasukkan rancangan ini dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah merayu kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat peruntukan secepat mungkin yang mana kita boleh jalankan kerja-kerja membaiki jalan itu.

### CERAMAH TANPA KEBENARAN—TAHANAN ANGGOTA PAS

**7. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota PAS yang telah ditahan kerana memberi ceramah tanpa kebenaran dan bilakah mereka akan dihadapkan ke mahkamah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi mana-mana anggota PAS yang ditahan kerana memberi ceramah tanpa kebenaran. Walau bagaimanapun, siasatan sedang dijalankan di atas beberapa perhimpunan ceramah yang diadakan tanpa kebenaran dengan tujuan untuk menentukan sebarang tindakan yang perlu diambil di mahkamah.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sedar pada masa sekarang orang ramai heboh mengatakan bahawa ceramah-ceramah tanpa kebenaran diadakan di sana sini dengan memburuk-burukkan Kerajaan dengan dihadiri oleh pendengar-pendengarnya beribu-ribu orang, lebih-lebih lagi rakaman kasetnya pula disebar dengan berleluasa. Apakah tindakan Kerajaan terhadap penganjur ceramah tersebut?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar dan selalu mengawasi ceramah-ceramah yang diadakan dan tindakan yang sewajarnya akan

diambil kepada mereka yang telah pun menganjur ceramah-ceramah itu tanpa kebenaran polis ataupun mengeluarkan hujah-hujah yang keterlaluan.

### PERKHIDMATAN PAKAR PERUNDING

**8. Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek-projek Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan pakar perunding bagi tahun 1983 dan 1984. Berikan jumlah mengikut pecahan dalam dan luar negeri;
- (b) berapakah jumlah bayaran yang telah dibelanjakan bagi pakar perunding untuk tahun-tahun berkenaan;
- (c) mengapakah Kerajaan masih memandang perlu bagi mendapatkan khidmat pakar perunding untuk setengah-setengah projek Kerajaan. Mengapa tidak menggunakan kepakaran di kalangan Kerajaan bagi menjimatkan perbelanjaan negara; dan
- (d) apakah asas-asas penentuan Kerajaan bagi menyerahkan sesuatu projek kepada pakar perunding.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah projek-projek Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan pakar perunding bagi tahun 1983 dan 1984 ialah 209 buah.

Jumlah mengikut pecahan dalam dan luar negeri adalah seperti berikut—

Jumlah Perkhidmatan Perunding dalam negeri: 251

Jumlah Perkhidmatan Per-

unding luar negeri: 34

- (b) Jumlah bayaran yang telah dibelanjakan bagi pakar perunding untuk tahun 1983 dan 1984 adalah kira-kira \$29.8 juta bagi juruperunding asing dan sebanyak \$130 juta bagi juruperunding tempatan.
- (c) Perkhidmatan Perunding adalah diperlukan berdasarkan kepada beberapa faktor yang berikut:
- (i) Jabatan Teknikal di pelbagai agensi tidak mempunyai kepakaran yang cukup;
  - (ii) Kakitangan dan kepakaran teknikal di pelbagai agensi yang sedia ada telah digunakan ke tahap yang maksima; dan
  - (iii) Projek-projek yang diperlukan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Asas-asas bagi menjawab (d), untuk menyerahkan sesuatu projek kepada pakar perunding adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti yang saya telah sebutkan tadi.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada dikatakan terdapat pakar-pakar perunding asing yang menjalankan kerja dalam negara kita secara haram, secara langsung ataupun tidak langsung. Jadi saya hendak bertanya adakah ini melibatkan mana-mana projek Kerajaan secara tidak langsung?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Perdana Menteri sedang menyasiat hal ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ada di antara kita menggunakan pakar

perunding asing sehingga kepada \$20 juta lebih kita gunakan kepada pakar perunding asing. Apakah negara kita tidak mempunyai pakar perunding bagi menggantikan penggunaan kita kepada pakar perunding asing itu. Adakah merupakan syarat-syarat yang dibuat oleh negara asing supaya kita memakai perunding itu.

Yang kedua, ada di antara pakar-pakar perunding asing ini membuat teori-teori berdasarkan negara mereka, tidak berdasarkan tempatan, kadang-kadang tak menasabah dinasihatkan kepada pembangunan dan negara kita. Apakah ini juga perlu kita membayar kepada pakar perunding yang membuat kesilapan seperti ini.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bergantung kepada projek di mana Kerajaan memikirkan tidak terdapat kepakaran dari segi perunding-perunding tempatan di beberapa projek yang kita agak belum lagi ada kemantapan dari segi kepakaran yang ada maka kita memang menjemput supaya digunakan perunding-perunding asing ini. Saya hendak memberi contoh umpamanya kalau diizinkan design mengenai dam untuk hydro electric project umpamanya kita memandangkan kepakaran daripada perunding asing masih lagi diperlu. Begitu juga dalam sistem telekomunikasi umpamanya, ini juga kita perlu dan juga sebagai contoh lagi projek seperti, dengan izin, lighting system di Airport dan juga mengenai Navigational and Telecommunications System di Airport, dengan izin, jadi projek-projek seperti ini memerlukan kepakaran asing dan saya taklah ingin mengatakan bahawa kegunaan pakar-pakar asing ini adalah disyaratkan. Sebenarnya kita telah kajian dan optionnya adalah bergantung kepada pihak Kerajaan sendiri.

Menjawab masalah yang kedua yang dibangkitkan tadi barangkali

Yang Berhormat menyebut terlalu umum. Sekiranya dapat dicontohi di manakah perkara-perkara yang disebutkan tadi bolehlah saya memberi jawapan.

### TOL DI TAMBAK JOHOR—BAYARAN

**9. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sebab-sebab dikenakan bayaran tol di Tambak Johor Bahru dan kadar bayaran tol tersebut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab dikenakan bayaran tol di Tambak Johor adalah di atas sebab-sebab biasa dikenakan tol di jalan-jalan Persekutuan yang lain iaitu kutipan tol ini ialah sebagai satu sumber kewangan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia di dalam tugas-tugasnya untuk membina, membaiki dan juga menyelenggarakan jalan raya-jalan raya di seluruh negara.

Kadar-kadar bayaran di Tambak Johor sebagaimana yang telah diumumkan semasa lawatan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri ke Tambak Johor pada 6hb Oktober, 1984 baru-baru ini ialah seperti berikut:

- (a) \$1 bagi kenderaan yang mempunyai dua ganda dengan tiga atau empat roda.
- (b) \$2 bagi kenderaan yang mempunyai dua ganda dengan lima atau enam roda.
- (c) \$3 bagi kenderaan yang mempunyai tiga ganda atau lebih; dan
- (d) Motosikal adalah percuma.

Semua bayaran hendaklah dijelaskan dengan ringgit Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri pada 6hb Oktober 1984 itu.

Kutipan tol di Tambak Johor ini akan bermula pada 1hb November 1984. Kutipan tol ini adalah dikenakan kepada kenderaan-kenderaan yang datang dari Singapura ke Johor Bahru sahaja, manakala kenderaan-kenderaan yang datang dari Johor Bahru melalui Tambak Johor ke Singapura adalah tidak dikenakan apa-apa bayaran.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kadar yang ditetapkan itu berapa jumlah yang akan dikutip dalam satu tahun dan dengan adanya pungutan tol ini jikalau Singapura membalas dengan pungutan tol itu, adakah tindakan yang seterusnya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran yang kita tetapkan dalam Kementerian kita harap kita boleh mengutip lebih kurang \$5.6 juta setahun, tetapi untuk mengadakan tol oleh Kerajaan Singapura, itu ialah tanggungjawab Kerajaan Singapura.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri seorang Menteri Kerjaraya atau seorang Menteri tol (*Ketawa*). Kenapa tempat semacam Tambak Johor Bahru, bukan satu projek yang baharu, semacam lebuhraya Kuala Lumpur dan Seremban, yang sudah begitu berpuluh-puluh tahun ada dan tidak dikenakan tol dan sekarang mahu dikenakan tol. Adakah ini akan menjadi satu "precedent". Satu hari nanti mahu pergi rumah Yang Berhormat Menteri pun mahu bayar tol. Sebab ialah kenapa dahulu tidak pernah kena tol, sekarang mahu kena tol dan adakah ini akan menjadi satu precedent yang baharu, era yang baharu Yang Berhormat Menteri untuk tol.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat akan mengambil perhatian iaitu keputusan-keputusan untuk mengenakan tol bukanlah keputusan

saya sendiri. Itu keputusan Kerajaan, saya sebagai seorang Menteri dengan tugas untuk menjalankan keputusan-keputusan oleh Kabinet atau Jamaah Menteri saya akan menjalankan, tetapi keputusan untuk mengenakan tol di Tambak Johor saya pun sudah menjelaskan dalam Dewan ini beberapa kali yang lampau.

### KOLEJ KOMUNITI— PENUBUHAN

**10. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kebaikan yang kita akan dapati apabila kita melaksanakan penubuhan Kolej Komuniti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatannya di Melbourne, Australia. Apakah sambutan dan reaksi Kerajaan Australia berkenaan cadangan ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Kolej Komuniti akan membolehkan kita mengadakan kursus pra-universiti bagi pelajar-pelajar kita yang akan melanjutkan pelajaran di universiti-universiti luar negeri. Soal sambutan dan reaksi Kerajaan Australia tidak timbul, oleh kerana penubuhan Kolej ini merupakan urusan rumahtangga kita sendiri. Kita perlu pastikan pelajar-pelajar kita dari Kolej ini memenuhi syarat dan kelayakan masuk yang diperlukan oleh universiti-universiti di Australia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bukannya benar bahawa konsep "community college" ini ialah untuk memberi pelajaran pre-universiti peringkat pertama dalam Kolej Komuniti ini dan untuk mereka melanjutkan pelajaran universiti peringkat tahun kedua atau ketiga dalam universiti-universiti luar. Kalau

begitu, bukannya mustahak bahawa hendak mendapat persetujuan Universiti-universiti luar negeri untuk menerima pelajar-pelajar daripada kolej tersebut supaya boleh masuk tahun kedua, tahun ketiga dan kenapa sekarang ada pengumuman bahawa reaksi negeri-negeri lain tidak perlu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pada dasarnya tujuan kita ialah untuk menyediakan mereka itu untuk tahun pertama dan juga kedua. Namun demikian, urusan ini ialah urusan kita. Tujuan kita ialah untuk menyediakan pelajar-pelajar kita untuk dapat dilengkapi dengan apa-apa yang perlu dan diperlukan oleh negeri-negeri yang akan menerima pelajar-pelajar kita.

Jadi terpulanglah kepada kita untuk menyediakan pelajar-pelajar kita itu dengan kemudahan-kemudahan, pengetahuan-pengetahuan, perediaan-persediaan yang perlu supaya mereka itu senang masuk ke negeri-negeri yang mereka akan masuki nanti.

### TINDAKAN KE ATAS KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

**11. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar sering berlaku dalam Negara kita apabila tibanya hari-hari penting seperti hari-hari raya, atau hari-hari letusnya sesuatu luar dugaan maka ketika itu dengan sendirinya harga barang-barang khasnya barang makanan naik melambung tinggi di setengah-setengah tempat; adakah itu menjadi adat kebiasaan yang patut dibiarkan dan jika tidak apakah tindakan yang akan diambil terhadap setengah-setengah pekedai yang melakukannya.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):**

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa harga kebanyakan barang-barang keperluan naik dari semasa ke semasa di setengah-setengah tempat terutamanya di hari-hari perayaan atau ketika berlakunya suatu yang di luar dugaan.

Walau bagaimanapun, ianya tidaklah dibiar begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan dan pengawasan. Kementerian saya telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu dan memastikan harganya sentiasa berada di paras yang menasabah dan berpatutan.

Bagi barang-barang yang amat perlu, seperti gula, tepung gandum, susu pekat, minyak petrol, minyak tanah, diesel, gas memasak, simen dan bar bulat, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu.

Bagi barang-barang keperluan lain pula, Kerajaan tidak menetapkan harganya yang mana ialah didapati turun naik dengan dipengaruhi oleh kedudukan bekalan dan permintaan yang berubah mengikut musim. Kos pengimportan juga menjadi satu faktor atas kenaikan harga barang-barang ini.

Sungguhpun barang-barang ini tidak ditetapkan harganya oleh Kerajaan, barang-barang itu wajib diletakkan tanda harga seperti yang dikehendaki di bawah Perintah Kawalan Harga Penandaan harga oleh Penjual Runcit Tahun 1977.

Buat masa ini sebanyak 111 jenis barang-barang perlu diletakkan tanda harga. Di samping itu, sebanyak 25 jenis barang diisytiharkan sebagai barang kawalan dalam musim perayaan sebagai tambahan kepada 20 jenis barang kawalan sepanjang masa.

Tujuan perisytiharan tersebut ialah untuk memastikan bekalan barang-barang itu mudah didapati di pasaran dan mencegah sebarang penyorokan atau penyelewengan bekalan barang-barang itu. Dengan adanya bekalan yang mencukupi di pasaran secara tidak langsung harganya akan dapat disetabilkan.

Kementerian saya sentiasa menjalankan penyiasatan dan pengawasan bagi memastikan supaya bekalan barang-barang perlu mencukupi dan harga barang-barang yang telah dipamerkan di bawah Perintah Kawalan Harga Penandaan Harga oleh Penjual Runcit Tahun 1977 dipatuhi dengan sepenuhnya dan sebarang keengkaran atau penyelewengan akan diambil tindakan tegas.

Di samping itu, Kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet mengenai barang-barang perlu sentiasa mengkaji dan mengawasi bekalan dan harga-harga barang perlu terutama menjelang musim-musim perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan lain-lain.

Dengan adanya tindakan terus menerus sepanjang masa ini bekalan dan harga barang-barang keperluan didapati stabil dan berada di paras yang berpatutan. Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang terutamanya di musim-musim perayaan. Pengguna-pengguna juga mestilah memainkan peranan yang sama dengan berjimat cermat dan membeli barang-barang yang perlu sahaja tanpa sebarang pembaziran. Cara ini adalah sebaik-baik jalan untuk mengurangkan kesan inflasi dan kemelesetan ekonomi sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada

menyatakan bahawa Kerajaan akan ataupun telah mengambil tindakan kepada sesiapa yang menaikkan harga barang perlu daripada apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Adakah satu undang-undang yang boleh dikenakan kepada mereka yang curi timbangan, dia tidak menaikkan harga tetapi dia curi timbangan. Apakah undang-undang yang boleh dikenakan?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada undang-undang itu dan Kementerian saya boleh siasat jika ada complaint kepada Kementerian saya.

#### HOSPITAL— PENSWASTAAN

**12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar perkhidmatan hospital akan diswastakan dan jika benar sejauh manakah persediaan dan cara penswastakan ini akan dijalankan nanti.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan telah membuat beberapa cadangan untuk menswastakan perkhidmatan hospital dan kami masih menunggu keputusan di atas cadangan-cadangan itu kerana cadangan-cadangan itu adalah dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan pada masa ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan sedang menimbang cadangan untuk menswastakan perkhidmatan hospital. Adakah beliau sedar bahawa konsep penswastakan perkhidmatan hospital bukanlah satu cadangan yang wajar memandangkan bahawa sekiranya hospital dapat diswastakan maka ia

akan mengakibatkan kos rawatan yang tinggi dan ini akan menjadi beban kepada rakyat dan juga memandangkan bahawa hospital boleh dianggap sebagai perkhidmatan sosial yang sepatutnya dibekalkan oleh pihak Kerajaan.

**Dato K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, usaha pengswastakan tidak bermakna bahawa pesakit yang miskin atau berpendapatan rendah tidak akan dapat kemudahan yang sewajarnya seperti yang terdapat di hospital-hospital pada masa ini dan juga pengswastakan tidaklah bermakna bahawa seluruh perkhidmatan Kementerian Kesihatan akan diswastakan secara sekali gus seperti itu. Ada kemungkinan aspek-aspek perkhidmatan pada masa ini boleh dapat diswastakan dan sebagainya. Tetapi Kerajaan akan sentiasa menentukan bahawa dalam apa-apa tindakan mengswastakan perkhidmatan hospital itu, bahawa mereka yang berpendapatan rendah dan pesakit-pesakit yang miskin akan terus mendapat layanan dan rawatan yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).*

#### PEMBINAAN PROJEK HAIDERO LETRIK BATANG AI

**13. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa:

- (a) oleh sebab pembinaan Projek Haidero Letrik, Batang Ai di kawasan Lubok Antu, Sarawak, lima buah Sekolah Rendah Kerajaan di dalam kawasan "Danger Zone" telah dan sedang dipindah dan ditumpangkan kepada Sekolah

Rendah Kerajaan-Sekolah Rendah Kerajaan lain yang berdekatan di Daerah Lubok Antu; dan

- (b) berapa lamakah murid-murid dan guru-guru itu ditumpangkan. Bilakah Sekolah Rendah Kerajaan Batang Ai yang akan berharga \$1.3 m. (1.3 juta ringgit) siap dibina. Apakah sebab-sebabnya projek ini terbengkalai. Bila jangkanya pembinaan projek ini akan dimulakan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian saya memang sedar bahawa akibat daripada pembinaan Projek Haidero Letrik Batang Ai di kawasan Lubok Antu, lima buah Sekolah Rendah Kerajaan telah dipindahkan ke Sekolah Rendah Kerajaan-Sekolah Rendah Kerajaan berdekatan di Daerah Lubok Antu. Walau bagaimanapun, Sekolah Rendah Kerajaan Batang Ai dengan anggaran kos \$1.25 juta akan ditender pada bulan ini dan pembinaanya dijangka bermula awal 1985 dan siap akhir 1985/awal 1986. Murid-murid dan guru-guru yang ditumpangkan di sekolah-sekolah berdekatan dijangka akan berpindah kepada sekolah kekal awal 1986.

#### **LAWATAN KE CHINA— MELUCUTKAN TARAF KEWARGANEGARAAN**

**14. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak tindakan telah dan sedang diambil untuk membubarkan kewarganegaraan mereka yang telah melawat negara-negara komunis seperti China tanpa kebenaran dari Kerajaan kita. Sekiranya ya, berapakah yang terlibat setakat ini adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan mereka membuat rayuan, memandangkan bahawa ramai daripada mereka ini telah diberi maklumat yang salah; adakah

Kerajaan sedar bahawa kelambatan dalam memproses permohonan-permohonan untuk lawatan-lawatan seumpama ini telah menimbulkan kekecewaan dan mungkin menjadi satu sebab bagi mereka ini untuk mencari jalan keluar yang senang, apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan memproses permohonan-permohonan ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan akan mengambil tindakan untuk melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia jika kesalahannya itu membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tersebut mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia. Lawatan ke Republik Rakyat China tanpa cop khas dari Kerajaan serta penggunaan hak-hak yang hanya diberi kepada warganegara negara itu sahaja adalah menyalahi peruntukan perkara-perkara berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia.

Setakat ini, seramai 233 orang warganegara Malaysia telah dikesan melawat Republik Rakyat China tanpa cop khas. Dari jumlah ini, seramai 170 orang telah dilucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia dan bakinya masih disiasat dengan rapi oleh Kerajaan.

Setiap perintah perlucutan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah muktamad dan Perlembagaan Malaysia tidak memperuntukkan peluang rayuan bagi mereka yang dilucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Kerajaan sedar bahawa proses permohonan lawatan ke Republik Rakyat China memakan masa kerana setiap maklumat dan penerangan yang diberikan oleh seorang pemohon itu perlu disemak dengan rapi demi memastikan kebenarannya. Masa yang digunakan untuk memproses

permohonan lawatan ini tidak melebihi masa yang diperlukan. Dalam pada itu, masa prosesan boleh disingkatkan lagi sekiranya pihak pemohon mengemukakan maklumat lengkap serta bertindak segera ke atas surat-menyurat dihantar oleh Kementerian Dalam Negeri yang memerlukan penjelasan lebih tepat mengenai sesuatu permohonan.

### TEMBAKAN POLIS DI KHALAYAK RAMAI

**15. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menerangkan sama ada pegawai polis dibenarkan melepaskan bedilan di khalayak ramai? Berkaitan dengan kejadian di mana seorang mahasiswa UTM ditembak mati, mengapakah pihak polis menembak di khalayak ramai tanpa mempedulikan keselamatan orang ramai? Mengapa terdapat aduan bahawa pihak polis yang mula tembak? Apakah hasil siasatan terhadap kejadian tersebut dan siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab membunuh mahasiswa tersebut di mana pada asalnya, pihak polis mengakui bahawa pihak polis menyesal kematian mahasiswa tersebut akibat tembakan oleh pihak polis tetapi pada hari kemudiannya, pihak polis pula seolah-olah cuba menolakkannya kepada pihak perompak.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Seksyen 97 Kanun Keseksaan, bukan sahaja anggota-anggota polis bahkan orang awam juga berhak mempertahankan diri di khalayak ramai jika nyawa mereka terancam. Bagi mempertahankan diri anggota-anggota polis sentiasa berwaspada dan mengambil perhatian berat ke atas keselamatan orang awam.

Dalam kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak polis memang ada melepaskan tembakan ke

arah penjenayah bagi mempertahankan diri iaitu setelah penjenayah tersebut menembak mereka terlebih dahulu. Mengenai siapa yang bertanggungjawab di atas kematian Allahyarham Encik Nazeri bin Md. Deros (seorang penuntut UTM) itu masih lagi dalam siasatan.

### SKANDAL BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE

**16. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengumumkan kepada ramai laporan sementara jawatankuasa 3 orang yang ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance serta membentangkan laporan tersebut dalam Parlimen untuk dibahaskan dengan sepenuhnya supaya dapat mencegah daripada berlakunya fiasco kewangan seumpama ini pada masa akan datang.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan ini kerana jawapan yang sama telah diberi ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 8hb Oktober, 1984.

### POLARISASI KAUM

**17. Datuk Dr Hee Tien Lai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa sekarang ini terdapat kecondongan yang sangat tidak sihat dan boleh menyebabkan perpisahan di kalangan penuntut-penuntut sekolah dan universiti dan juga kakitangan Kerajaan akibat golongan pelampau dan polarisasi kaum; dan jika sedar apakah tindakan tegas akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

(b) apakah keputusan dan perakuan Institute of Strategic and International Studies (ISIS).

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Yang amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri semasa beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober 1984. Saya tidak bercadang menambah kepada jawapan itu.

### SISTEM MUASSASAH MENGENAI JEMAAH HAJI MALAYSIA

**18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah layanan yang telah diberikan kepada Jemaah Haji Malaysia hasil daripada penubuhan Muassasah oleh pihak Berkuasa Arab Saudi. Apakah peranan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam masa Jemaah Haji kita sedang berada di Tanah Suci. Benarkah pihak Tabung Haji telah menyaman Muassasah yang berkenaan dan apakah hasilnya.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Perkhidmatan dan layanan telah diberikan kepada Jemaah Haji Malaysia di bawah Sistem Muassasah yang telah dikenakan oleh pihak Berkuasa Arab Saudi pada kali pertamanya kepada Jemaah-jemaah Haji Tenggara Asia termasuk Malaysia dalam tahun ini sangatlah tidak memuaskan. Di antara layanan-layanan yang tidak memuaskan itu adalah:

(a) Jemaah Haji telah tidak diberi tempat kediaman yang diwajibkan mengikut Peraturan Haji Arab Saudi iaitu tiap-tiap Jemaah Haji mempunyai

tempat tidur tidak kurang daripada 1 meter × 2 meter.

(b) Bekalan air sangat kurang.

(c) Tidak memimpin atau memandu Jemaah Haji pada membuat Tawaf dan Saei.

(d) Sewaktu di Mina ada juga Jemaah Haji ditinggal di atas jejambat sahaja tanpa pedoman dari pekerja-pekerja Muassasah untuk ke khemah masing-masing. Khemah atau Hosh di mana jemaah Haji tinggal di Mina tidak diberi tanda atau nombor dan ini menyusahkan petugas-petugas Tabung Haji menghantar balik Jemaah Haji yang sesat.

(e) Makanan yang disediakan kepada Jemaah Haji sewaktu di Arafah dan Mina tidak memuaskan.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah pun membuat aduan kepada Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi pada 5-9-84 bertempat di Mina. Ekoran daripada aduan itu kesemua Ahli Majlis Muassasah Asia Tenggara termasuk Pengerusinya telah pun disaman oleh Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi. Pembicaraan diadakan pada hari itu juga iaitu dari jam 9.00 malam hingga 5.30 pagi. Keputusan pembicaraan adalah Muassasah berjanji tidak akan melakukan kecuaiian seperti meninggalkan Jemaah Haji di tepi-tepi jalan lagi. Walaupun keputusan bicara tidak sebegitu yang diharapkan tetapi dalam pembicaraan tersebut pihak Tabung Haji telah dapat kemukakan semua perkara perkhidmatan dan layanan Muassasah yang tidak memuaskan itu dan dipercayai segala masalah-masalahnya telah diambil perhatian oleh Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi.

**PELAJAR KE UNIVER-  
SITI TEMPATAN—  
PENGAMBILAN**

**19. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan kesanggupan pengambilan (intake capacity) setiap universiti tempatan serta bilangan pelajaran yang telah diambil untuk sesi 1984; untuk menyatakan sebab kesanggupan pengambilan tidak ditemui sementara begitu ramai pemohon yang layak tidak diambil.

Adakah tempat-tempat itu dibiarkan begitu sahaja dengan sengaja untuk sebab-sebab tertentu? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki keadaan ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Bilangan tempat yang disediakan untuk kemasukan ke universiti-universiti tempatan sesi 1984/85 ialah 7,286 orang dan jumlah bagi setiap universiti adalah seperti berikut:

**BILANGAN TEMPAT YANG DISEDIAKAN DAN KEMASUKAN KE  
UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN BAGI SESSI 1984/1985**

<i>Universiti</i>	<i>Jumlah tempat disediakan</i>	<i>Jumlah Kemasukan</i>
Universiti Malaya	2,146	2,066
Universiti Kebangsaan Malaysia	1,797	1,797
Universiti Sains Malaysia	1,420	1,420
Universiti Pertanian Malaysia	1,015	1,015
Universiti Teknologi Malaysia	558	558
Universiti Utara Malaysia	350	336

Bilangan tempat ini menggambarkan keupayaan pengambilan (intake capacity) bagi sesi ini. Jumlah kemasukan pula adalah 7,192 orang. Keupayaan pengambilan pelajar (intake capacity) tidak dapat dipenuhi kerana Kementerian saya hendak mematuhi dasar pengambilan ke universiti-universiti mengikut nisbah kaum yang telah diputuskan. Usaha ke arah memperbaiki keadaan ini ialah dengan cara menambah bilangan tempat bagi kursus Asasi Sains di Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia pula akan mengadakan kelas matrikulasi berorientasikan bidang ekonomi dan perakaunan mulai sesi 1985/86.

berapa banyak wang yang mengalir keluar dari negara ini pada tahun 1982/1983 secara tak ketara seperti insurans, perkapalan, pelancongan dan bayaran perkhidmatan hutang yang telah memburukkan lagi imbalan pembayaran dan apakah langkah konkrit yang diambil setakat hari ini untuk mengurangi masalah imbalan pembayaran yang berbangkit dari perdagangan tak ketara.

**IMBANGAN PEMBA-  
YARAN PERDAGANGAN**

**20. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan

**Tuan Daim Zainuddin:** Saya telah menjawab soalan ini semasa memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 9hb Oktober, 1984. Oleh itu, tidaklah perlu bagi saya mengulangi jawapan itu.

## POLARISASI KAUM

**21. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja untuk menyiasat dengan sedalam-dalamnya masalah polarisasi kaum yang telah menjadi satu masalah serius di Malaysia.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri semasa beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober 1984. Saya tidak bercadang menambah kepada jawapan itu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSKLUSIF

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (9hb Oktober, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

3.35 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambungkan jawapan saya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 daripada semalam, izinkan saya memberi sedikit penjelasan oleh kerana hendak mengelakkan ada kekeliruan mengenai konsep laut wilayah

Malaysia dan konsep Zon Ekonomi Eksklusif. Umpamanya, suatu akhbar tempatan telah melaporkan pada hari ini bahawa Malaysia tidak mempunyai hak kedaulatan wilayah (territorial sovereignty) dalam laut wilayah Malaysia pun. Ini adalah tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa kedudukan perkara ini sebenarnya adalah seperti berikut. Malaysia mempunyai hak kedaulatan wilayah (territorial sovereignty) dalam laut wilayah Malaysia. Ini bermakna bahawa laut wilayah Malaysia yang seluas 12 batu nautika daripada pantai atau garisan asas berkenaan adalah dianggap sebagai perluasan wilayah Malaysia bagi semua maksud, tetapi mengikut konsep zon ekonomi eksklusif, bidang kuasa Malaysia dalam zon tersebut adalah lain dan dianggap sebagai bidang kuasa luar iaitu extra-territorial jurisdiction (dengan izin) daripada bidang kuasanya dalam wilayah Malaysia. Oleh itu, hak kedaulatan dan bidang kuasa Malaysia dalam zon ekonomi eksklusif adalah terhad jika dibandingkan dengan hak kedaulatan dan bidang kuasa dalam laut wilayah Malaysia yang dianggap sebagai wilayah Malaysia sendiri.

Bagi menyambung balik jawapan saya semalam, Tuan Yang di-Pertua mengenai konsep "kejar buru", ini sebenarnya berasaskan kepada kehendak sesuatu negara mengejar vessel asing yang telah melanggar undang-undang atau peraturan negara itu sampai di luar wilayah atau kawasan kawalan negara itu.

Namun demikian, kedaulatan sesuatu negara terhadap zon ekonomi eksklusifnya dan laut wilayahnya yang dimasuki oleh vessel yang diburu itu hendaklah juga dijamin. Jadi adalah patut dan wajar jika sesuatu kejar buru itu dihentikan apabila vessel asing itu memasuki zon ekonomi eksklusif atau laut wilayah negara

asing melainkan jika kejar buru dibenarkan dalam kawasan negara asing itu mengikut perjanjian di antara Malaysia dengan negara asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan. Mengenai kejar buru atau "hot pursuit" bukannya penjelasan Yang Berhormat Menteri dan juga Fasal 25 mengenai kejar buru dan bukan "kerja baru" seperti yang ada dalam teks yang menunjukkan bahawa Kerajaan pun tidak ada masa untuk mengadakan "kerja baru—new works" dan bukan kejar buru yang pun tidak dipinda. Bukankah sebenarnya penjelasan itu irrelevant, peruntukan pun irrelevant oleh kerana kalau ada economic zone semua diisytiharkan, Malaysia tidak mempunyai access kepada high seas oleh kerana wujud zone-locked, sudah semua dilock oleh zon ekonomi eksklusif lain-lain negara dan tidak ada high seas yang boleh di mana kuasa untuk hot pursuit dalam international waters, ada timbul oleh kerana semua tidak ada satu inci high seas, keluar exclusive economic zone (EEZ), Malaysia ialah EEZ lain negara dan hot pursuit ada provision tidak ada erti. Kenapa mahu itu provision. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ada melihat satu map yang menunjukkan apa yang sebenarnya di dalam benua Asia apabila ada EEZ semua negara barulah dua negara, Indonesia dan Burma ada access kepada high seas dan bukan zone-locked. Malaysia semua zone-locked, semua tempat zone-locked tidak ada high seas. Kenapa ada hot pursuit? Irrelevant!

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama dengan penjelasan yang saya berikan untuk mengatasi kekeliruan tadi dengan sendiri menerangkan tahap

mana bidang kuasa kita dalam EEZ, tahap mana bidang kuasa kita dalam ertikata yang lain dan saya ingin juga menjelaskan fasal kesilapan teknikal ataupun printing dalam Rang Undang-undang yang saya sebutkan. Kalau Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Standing Order 96 (2), jadi perkara ini yang sebenarnya boleh dibetulkan sekiranya tidak ada pembetulan sebelum kita menghantar kepada printer segala kesilapan mengenai printing itu akan kita betulkan. Jadi boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan. Kenapakah mahu hot pursuit apabila tak boleh digunakan? Oleh kerana tidak ada high seas untuk kawasan EEZ tidak ada, langsung tidak ada. Mana boleh hot pursuit, mana ada satu inci perairan high seas yang boleh hot pursuit. Itulah saya mahu tanya, kalau tidak boleh hot pursuit kenapa mahu peruntukan hot pursuit?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seperti ini perlu jika kita mahu membuat satu deklarasi mengenai Undang-undang Zon Ekonomi. Itu tadi merupakan pandangan sahaja daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sama ada penting tidak penting dimasukkan fasal ini, bagi pihak kita sudah tentu memandang penting, itulah sebabnya kita membuat peruntukan demikian. Jadi, saya teringat pada cerita lama, saya divert sedikit, fasal harimau yang suka mengaum. Jadi, tiap-tiap kali dia mengaum, dia memikirkan dia boleh menakutkan orang. Jadi, lama kelamaan menjadi tabiat dia mengaum sentiasa kerana dia syok sendiri. Pada satu hari orang kampung menunggu di pokok yang besar mengatuk kepala dia, dia pun pitam. Masa dia pitam, barulah dia nampak harimau ini tidak mempunyai gigi, tidak mempunyai

kuku. Bila dia sedar barulah dia tahu yang dia tidak ada gigi, tidak ada kuku, dan orang pun tahu. Dan dia seekor sahaja dan orang kampung ramai. Ini saya beri cerita sahajalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memerintah bahawa Yang Berhormat Menteri jangan melanggar Standing Order mengenai perkara yang irrelevant oleh kerana saya mahu tanya mana satu inci high seas di mana boleh menggunakan hot pursuit. Bukan pertanyaan saya atau siapa. Itulah dalam map tentera, itu sahaja, ada high seas, atau tidak ada high seas. Kalau tidak ada high seas, hot pursuit tidak timbul. Kalau tidak tahu, mengakui tidak tahu. Tidak tahu perbezaan continental shelve Zon Ekonomi Eksklusif. Tidak tahu hot pursuit, tidak tahu high seas, Okay; baca sahajalah apa-apa ucapan yang disiapkan oleh pegawai Kerajaan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta teruskan. Saya minta janganlah ada pertengkaran seperti yang berlaku pada hari ini. Saya minta teruskan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tadi saya menambah cerita jika diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak diizinkan saya tarik balik cerita itu dan izinkan saya meneruskan jawapan. Bila saya sudah menjelaskan semua mungkin juga kalau ada apa perkara yang hendak ditimbulkan, bolehlah masa itu timbulkan, mungkin saya menjawab. Dalam rangka saya menjawab mungkin beberapa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Wakil Kota Melaka sudah mendapat penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak payah memberi jalan jikalau sekiranya tidak mahu dia meminta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi Yang Berhormat Menteri telah membenarkan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jalan tadi untuk membolehkan saya membuat cerita tadi (*Ketawa*).

Pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan Zon Ekonomi Eksklusif, ini juga merupakan bahan pokok perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perasaan kebimbangan mereka terhadap kemampuan Malaysia melengkapkan pihak-pihak berkuasa dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya kawalan Zon Ekonomi Eksklusif boleh dijalankan dengan berkesan. Pelaksanaan undang-undang yang baru mengenai Zon Ekonomi Eksklusif ini melibatkan beberapa agensi iaitu Tentera Laut di-Raja Malaysia, Polis Marin, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar. Dan juga tidak ketinggalan Tentera Udara di-Raja Malaysia. Dalam sebarang operasi bagi memelihara kepentingan-kepentingan Malaysia di Zon Ekonomi Eksklusif itu semua agensi yang terlibat tentu mengembelingkan segala usaha, tenaga, peralatan dan kelengkapan.

Sebelum Rang Undang-undang dikemukakan di Parlimen, usaha-usaha telah pun dimulakan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh mana-mana pihak bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai Zon Ekonomi Eksklusif itu kelak. Namun demikian, untuk melaksanakan undang-undang itu dengan secara berkesan, peraturan-peraturan yang teliti sedang disediakan supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya boleh diambil sekiranya ada pihak-pihak di luar

menjalankan sebarang aktiviti yang bercanggah dengan peruntukan-peruntukan undang-undang itu.

Kerajaan sedar bahawa dengan tuntutan Malaysia di Zon Ekonomi Eksklusif itu kawasan maritime yang menjadi kawasan pengawasan adalah diperluaskan. Dengan demikian, pertimbangan dan perancangan yang sewajarnya akan diambil untuk menambahkan kelengkapan, umpamanya menambahkan kapal-kapal untuk rondaan Tentera Laut di-Raja Malaysia dan juga Polis Marin dan meningkatkan lagi kelengkapan yang perlu. Begitu juga Jabatan Perikanan hendaklah diperlengkapkan dengan alat-alat yang sesuai dan akan dilengkapi dengan alat-alat yang sesuai bagi membolehkan kaum-kaum nelayan membuat sebarang perhubungan dan meminta pertolongan yang secepat mungkin, sekiranya ada kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku di tengah-tengah laut.

Perlu ditegaskan bahawa agensi-agensi yang terlibat akan menyelaras segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan bagi maksud melindungi kepentingan Malaysia di kawasan maritime secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara perlanunan atau, dengan izin, "piracy" dan ancaman kepada nelayan seperti juga yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Perkara pencerobohan dalam perairan Malaysia yang kerap kali dilakukan oleh nelayan-nelayan asing serta pencurian ikan dan kerosakan kepada alat-alat perikanan nelayan kita yang diakibatkan oleh kegiatan mereka. Kejadian-kejadian yang lain yang melibatkan perlanunan dalam kawasan perairan kita juga dibangkitkan. Dalam perkara ini Ahli-ahli Yang Berhormat agak meragui atas kebolehan Pasukan Tentera Laut dan Polis Marin kita untuk mengawal kawasan perairan yang bertambah luas

dengan tertubuhnya Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Perkara perlanunan sering kali dibahaskan di masyarakat antarabangsa dan kewajipan-kewajipan negara-negara di bawah undang-undang antarabangsa bagi mencegah kegiatan-kegiatan perlanunan adalah ternyata dan adalah sudah lama diakui oleh masyarakat antarabangsa.

Konvensyen Undang-undang Laut 1982 mengulang sebut kewajipan ini dengan menyatakan bahawa tiap-tiap negara hendaklah bekerjasama sepenuhnya untuk mencegah lanun di laut lepas, dengan izin, high seas yang termasuk Zon Ekonomi Eksklusif. Berikut perisytiharan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif oleh Malaysia pada 25hb April 1980, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengawal kepentingannya di kawasan tersebut.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah penubuhan sesebuah jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime di bawah Majlis Keselamatan Negara. Penubuhan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime (PPPM) di Lumut yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan mengenai kordinasi Penguatkuasaan Undang-undang Maritime. Dan ketiga, rondaan-rondaan khususnya oleh TLDM, TUDM dan juga Polis di-Raja Malaysia di perairan Malaysia dan juga di dalam kawasan yang disebutkan. Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime sebenarnya bertanggungjawab antara lain untuk menyelaras penguatkuasaan undang-undang negara di perairan laut wilayah dan Zon Ekonomi Eksklusif serta juga sumber keupayaan Maritime, dengan izin "Maritime Enforcement Resources" dari berbagai jabatan dan agensi. Ini adalah bertujuan untuk

mempastikan kekesan langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang maritime memandangkan keupayaan satu-satu agensi adalah terhad.

Satu dari perkara yang telah diberi perhatian oleh Jawatankuasa ini sejak tertubuh pada Ogos, 1983 ialah mengenai pencerobohan nelayan asing di perairan Timur Semenanjung Malaysia seperti yang ada dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Antara langkah-langkah yang dirumuskan ialah penubuhan pengkalan-pengkalan hadapan khususnya untuk Polis Marin di pantai Terengganu, melengkapkan nelayan tempatan dengan alat perhubungan radio dan meningkatkan lagi di antara agensi Kerajaan dengan nelayan-nelayan berkaitan. Melalui PPPM operasi-operasi bersama di antara TLDM, TUDM, PDRM dan Jabatan Perikanan akan diadakan dari semasa ke semasa di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah pencerobohan. Satu operasi bersama ini akan dilancarkan sebelum akhir tahun ini untuk mengawal pencerobohan nelayan-nelayan asing. PPPM ataupun pusat ini telah ditubuhkan pada bulan April 1984 di peringkat nucleus. Tanggungjawab pusat ini adalah untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang maritime di perairan wilayah.

Selain daripada menyelaraskan dan pengembelian keupayaan sumber-sumber maritime negara ianya juga mempunyai fungsi untuk mengesan lokasi sumber maritime negara untuk memudahkan pelancaran operasi bersama dan juga memberi bantuan kepada agensi-agensi yang memerlukan, berhubung dengan kegiatan jenayah di lautan termasuk aktiviti-aktiviti lanun. Pihak Malaysia dan Thailand telah pun bersepakat mengadakan satu sistem pengawalan bersama yang dinamakan Co-ordinated Petrol Zones iaitu dengan

ringkas CPZ di perairan bersama Perlis/Satul dan Kelantan/Naratewat. CPZ ini telah bermula sejak beberapa tahun yang lalu dan telah menghasilkan pengurangan kejadian-kejadian jenayah di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menambahkan kegiatan-kegiatan dan kelengkapan yang perlu bagi pihak Tentera Laut, Polis Marin dan Jabatan Perikanan Kerajaan bertujuan mengurangkan masalah pencerobohan oleh nelayan asing dan kegiatan-kegiatan pelanunan melalui persefaman ekonomi dan kerjasama dua hala (regional) dengan negara-negara jiran Malaysia. Satu daripada langkah-langkah yang telah diambil dalam perkara ini ialah persetujuan dua hala yang telah ditandatangani oleh Malaysia dengan Thailand pada tahun 1982 untuk memperkekalkan dan memajukan hasrat kerjasama kedua-dua negara ini dalam bidang perikanan. Masalah pencerobohan ke dalam perairan Malaysia diberi perhatian berat dan cadangan telah dibuat untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Sempadan Bersama (Joint Border Committee) bagi mengawal dua kawasan iaitu pantai-pantai negeri Kelantan dan Terengganu dan pantai timur Thailand dan pantai-pantai negeri Kedah dan Perlis dan pantai barat Thailand. Jawatankuasa ini akan diuruskan oleh pihak Kementerian Perikanan Malaysia dan Thailand dan akan dibantu oleh pihak Kerajaan Negeri, pihak Polis dan Tentera Laut.

Mengenai masalah perikanan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara perikanan dalam Zon Ekonomi Eksklusif akan diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perikanan yang baru dan akan dibentangkan di Parlimen kelak seperti yang telah saya nyatakan. Perkara-perkara mengenai allowable catch ataupun pengurusan perikanan, kawalan perairan

nyatakan. Perkara-perkara mengenai allowable catch ataupun pengurusan perikanan, kawalan perairan perikanan dan hak-hak kewajipan nelayan-nelayan asing dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia adalah diperuntukkan dengan teliti dalam Rang Undang-undang Perikanan tersebut. Perkara ini patut dibahasakan apabila Rang Undang-undang Perikanan dibentangkan tidak lama lagi. Pada masa ini ingin saya menyatakan bahawa pertimbangan yang sewajarnya akan diberi kepada semua permohonan nelayan tempatan untuk mendapat lesen menangkap ikan di Zon Ekonomi Eksklusif.

Berhubung dengan pertolongan yang akan diberi oleh Jabatan Perikanan, adalah dimaklumkan bahawa beberapa galakan dan bantuan umpamanya pinjaman oleh bank-bank untuk mendapat modal membeli bot-bot, alat-alat penangkapan ikan dan alat-alat lain seperti wireless akan diberi kepada nelayan-nelayan tempatan yang menyeretai perusahaan perikanan di Zon Ekonomi Eksklusif.

Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga menyebut perkara yang ada kaitan dengan harta karun dan sebagainya terdapat di kawasan lautan kita. Perkara harta karun telah dibangkitkan dan saya ingin menyatakan ketika ini pihak Kerajaan Malaysia hanya mempunyai bidanguasa mengenai kapal karam. Harta karun dan benda purba jika artikel-artikel tersebut dijumpai di bawah lautan perairan (territorial sea) Malaysia ini adalah diperuntukkan di bawah Akta Benda Purba 1976, Ordinan Benda Purba dan Harta Karun 1957 dan The Merchant Shipping Ordinance. Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif sebenarnya tidak membuat peruntukan mengenai harta karun dan sebagainya tetapi perhatian diambil bahawa mengikut undang-undang antarabangsa seperti yang dinyatakan

perikanan dan hak-hak kewajipan Laut artikel-artikel yang merupakan benda purba tidak boleh diambil keluar daripada zon berdampingan (contiguous Zone) negara berpantai dengan tiada izinnya. Jika difikirkan perlu Kerajaan boleh meluaskan pemakaian Akta Benda Purba 1976 ke kawasan zon berdampingan iaitu sehingga 24 batu nautika daripada garis asas dari mana lebar laut wilayah diukur.

Mengenai persinggahan sementara bagi pendatang haram Vietnam, perkara itu juga ada dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan persinggahan sementara bagi pendatang haram Vietnam oleh Malaysia, sebenarnya adalah selaras dengan prinsip-prinsip kemanusiaan yang mana merupakan satu prinsip antarabangsa yang penting. Walau bagaimanapun, Malaysia telah menekankan bahawa pemberian persinggahan sementara ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa kita tidak akan dibebankan dengan masalah-masalah saki baki pendatang haram Vietnam tersebut. Dari butir-butir yang ada jumlah pendatang haram Vietnam yang mendarat di Malaysia semakin berkurangan dan jumlah mereka sekarang yang terdapat di Kem Sementara adalah lebih kurang 9,000 orang sahaja berbanding dengan 50,000 orang pada tahun 1978.

Mengenai perkara perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar yang ada juga dikaitkan dengan perbahasan yang dibangkitkan, dalam membangkitkan perkara perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif membuat salah anggapan bahawa pencemaran laut berpunca dari tumpahan minyak dari tangki-tangki terutamanya. Ini agak kurang tepat kerana di antara lain Fasal 10, 12 dan 14 ada menunjukkan bahawa

ketegasan yang sama telah dibuat mengenai pencemaran yang berpunca dari pantai berpasangan atau alat-alat di Zon Ekonomi Eksklusif dan dari udara. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga sedang mengkaji semula polisinya mengenai perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar dan strategi baru yang sedang dipertimbangkan akan menegaskan preventive measures dan perkara-perkara penguatkuasaan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka khususnya mengenai konsep negara kepulauan Indonesia yang diminta saya menjelaskan, ingin saya mengambil kesempatan membuat penejasan, Tuan Yang di-Pertua.

Konvensyen baharu mengenai Undang-undang Laut 1982 telah didahului oleh satu Konvensyen yang sekarang sedia ada yang telah dimeterikan pada tahun 1958. Semasa persidangan mengenai Undang-undang Laut mula-mula diadakan pada tahun 1958 jiran tetangga Malaysia, Republik Indonesia ataupun negara Indonesia telah pun membentangkan konsep negara kepulauan. Ini berasaskan kepada faktor bahawa negara Indonesia bukanlah merupakan satu benua tetapi merupakan 13,667 kepulauan. Ini bermakna Indonesia merupakan satu negara kepulauan yang terbesar di dunia ini. Semasa Indonesia membentangkan konsep negara kepulauan di Persidangan Undang-undang Laut yang pertama ia menghadapi tentangan hebat dari kuasa-kuasa besar kerana ini akan membawa akibat sebahagian besar lautan di sekeliling kepulauan Indonesia menjadi perairan dalaman (internal waters).

Di persidangan pertama mengenai Undang-undang Laut, Indonesia sebenarnya telah gagal mendapatkan sokongan daripada kalangan

antarabangsa. Sungguhpun demikian tuntutan Indonesia itu tidak luput dan negara itu terus membentangkan di persidangan yang kedua dan juga di persidangan yang ketiga mengenai Undang-undang Laut.

Di persidangan ketiga terdapat keadaan sebenarnya telah berubah. Indonesia telah disokong pada kali ini oleh tiga lagi negara kepulauan yang lain iaitu Filipina, Bahamas dan Fiji yang masing-masing menuntut konsep negara kepulauan oleh kerana kedudukan negara mereka yang merupakan beberapa pulau. Sokongan ini telah wujud oleh kerana semenjak 1958 lebih banyak lagi negara-negara kepulauan yang telah mencapai kemerdekaan dan dengan demikian telah bekerjasama untuk mendapatkan penerimaan konsep negara kepulauan ini di kalangan antarabangsa.

Antara fakta-fakta yang telah dihujahkan untuk mendapatkan sokongan ialah demi kepentingan-kepentingan ekonomi iaitu mengawal perikanan dan pengangkutan di antara pulau; fakta politik iaitu meningkatkan perpaduan di antara penduduk-penduduk serata kepulauan; fakta keselamatan dan juga fakta menghalang pencemaran.

Di persidangan Undang-undang Laut yang ketiga, negara Fiji, Indonesia, Mauritius dan Filipina telah terus bergiat untuk mendapatkan sokongan. Kejayaan mereka untuk mendapatkan sokongan itu telah jelas ternyata apabila persidangan yang ketiga mengenai Undang-undang Laut menerima beberapa texts peruntukan yang meliputi kedudukan konsep negara kepulauan itu. Jadi adalah agak tidak benar jika dikatakan Malaysia telah menerima konsep itu sebulat-bulatnya.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Bila satu text convention mengenai Undang-undang Laut mula dibentangkan untuk perbincangan tex itu telah pun merangkum beberapa peruntukan mengenai konsep negara kepulauan yang menggambarkan bahawa kalangan antarabangsa telah pun sedia untuk menerima konsep tersebut. Dengan keadaan sedemikian, sekiranya Malaysia menentang konsep tersebut, ini akan membawa makna bahawa Malaysia akan menentang dua daripada negara jirannya iaitu Indonesia dan Filipina.

Untuk memelihara kepentingan Malaysia di lautan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Malaysia telah mengadakan beberapa rundingan umpamanya dengan Indonesia semenjak 1974 lagi. Kemuncak rundingannya itu ialah satu memorandum persefahaman yang telah diadakan pada 27hb Julai, 1976 di mana Indonesia bersetuju dengan dua prinsip. Prinsip pertama ialah satu peruntukan akan diadakan di dalam text convention mengenai Undang-undang Laut yang baru di mana Indonesia bersetuju untuk terus menghormati pertamanya kepentingan sah Malaysia dan juga keduanya hak-hak tradisional yang sedia ada dan yang telah dijalankan oleh Malaysia selama ini.

Prinsip yang kedua ialah bahawa satu perjanjian dua-hala akan diadakan untuk memastikan apakah kepentingan-kepentingan dan hak-hak tradisional tersebut yang harus terus dihormati oleh Indonesia apabila konsep kepulauan Archipelago itu dilaksanakan. Susulan dari persetujuan ini ternyata bahawa konvensyen yang baru 1982 melalui perkara 47 (6) mengandungi peruntukan yang membawa makna bahawa Indonesia akan terus menghormati kepentingan-kepentingan sah dan hak-hak

tradisional yang sedia ada bagi Malaysia.

Dalam pada itu pada 25-2-1982 satu treaty telah ditandatangani di mana Indonesia telah menjelaskan bahawa negara itu akan menghormati kepentingan-kepentingan sah dan hak-hak tradisional Malaysia yang telah dijalankan di lautan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak itu. Kedua negara dalam rundingan itu telah bersetuju bahawa penerimaan konsep itu adalah berasaskan kepada undang-undang antarabangsa. Tambahan pula sebarang penerimaan oleh Malaysia ialah berdasarkan kepada persahabatan yang terjalin dan kerjasama di antara negara-negara demi keutuhan masing-masing. Hak-hak tradisional dan kepentingan sah Malaysia telah dipelihara melalui satu treaty dua-hala iaitu Treaty mengenai Archipelago antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1982 dan di peringkat antarabangsa dalam perkara 47 (6) Convention 1982.

Telah diujahkan juga bahawa penerimaan konsep negara kepulauan oleh Malaysia akan mengakibatkan laluan bagi kapal Malaysia terjejas disebabkan dengan adanya peruntukan mengenai corridors yang dikatakan lebih tersekat luasnya dari apa yang boleh diperolehi di bawah Convention di mana Indonesia akan diperlu menetapkan alor laut kepulauan, ataupun dengan izin, archipelagic sea lane.

Ingin saya menjelaskan apa yang diperolehi oleh Malaysia mengikut peruntukan treaty itu di mana corridors bagi laluan perkapalan telah ditetapkan, tidak semestinya merugikan Malaysia. Semasa rundingan untuk mencapai treaty mengenai Archipelago itu diadakan, Malaysia sendiri telah menghujahkan bahawa apa yang akan diperolehi sebagai laluan melalui corridors yang akan ditetapkan itu adalah sangat

berkurangan dari apa yang akan diperolehi oleh pengguna-pengguna lain melalui archipelagic sea lane passage, dengan izin, yang akan ditetapkan oleh Indonesia kelak dan dengan demikian kedudukan Malaysia adalah benar terjejas. Indonesia dalam jawapannya telah menjelaskan bahawa corridors ini hendaklah dianggapkan sebagai tambahan kepada archipelagic sea lanes itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan penjelasan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan khususnya oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya ingin juga menjelaskan akhir sekali mengenai kejar buru ini. Boleh diadakan kejar buru dalam Zon Ekonomi Eksklusif negara lain mengikut perjanjian. Jadi kawasan EEZ negara-negara lain belum lagi sebenarnya ditentukan. Kalau dikajikan di bawah Fasal 25 kesilapan dalam marginal note sahaja dan teksnya adalah tepat. Ini saya hendak jelaskan sebagai jawapan kepada perkara yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta penjelasan yang akhir tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2—*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, mengenai hot pursuit dalam Fasal 25, sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada memberi penjelasan tetapi beliau tidak jawab sepenuhnya hujah-hujah saya tadi oleh kerana mengikut Fasal 25 (1) yang memberi kuasa hot pursuit di mana, bolehkah saya merujuk kepada bahasa Inggeris dalam Rang Undang-undang?

**Tuan Pengerusi:** Naskhah sahnya dalam Bahasa Malaysia. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh. 25 (1) di mana diperuntukkan hak kejar buru . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Muka 22, jika mana-mana pegawai berkuasa mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu vesel asing telah melanggar mana-mana peruntukan atau Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dia boleh mengajar buru vesel tersebut dengan tujuan menahan dan menangkapnya dan membawanya ke dalam Zon Ekonomi Eksklusif mengikut undang-undang antarabangsa. Pecahan (3), kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh apa-apa perjanjian serantau atau DWI pihak yang mana Malaysia ialah satu pihak, hak kejar buru hendaklah terhenti sebaik sahaja vesel itu memasuki laut wilayah atau Zon Ekonomi Eksklusif negaranya sendiri atau mana-mana Negara Ketiga . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, tunggu sebentar. Tadi Setiausaha membaca Fasal 1 hingga 2 sahaja, belum masuk lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! belum masuk lagi. Baik.

*Fasal 1 hingga 7* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 8-25—*

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tadi saya telah membaca Fasal 25 mengenai "hot pursuit" dan Pecahan ke (3) ialah kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh apa-apa perjanjian serantau atau DWI pihak yang mana Malaysia ialah satu pihak, hak kejar buru hendaklah terhenti sebaik sahaja vesel itu memasuki laut wilayah atau Zon Ekonomi Eksklusif Negaranya sendiri atau mana-mana Negara Ketiga. Ini bererti bahawa selain daripada apa yang akan diperuntukkan daripada perjanjian serantau atau DWI pihak, Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini pun memberi satu hak untuk kejar buru yang perlu hendak terhenti sebaik sahaja vesel itu memasuki laut wilayah atau Zon Ekonomi Eksklusif Negaranya.

Ini saya faham oleh kerana mungkin apabila Rang Undang-undang ini digubalkan kita ada memakai draf-draf dan akta-akta negara-negara yang lain. Tetapi satu contoh perbezaan ialah di negara kita, selepas EEZ semua negara tiada lagi high seas yang di mana kita boleh kejar buru tanpa Menteri mendapat perjanjian negara-negara yang lain. Kalau peruntukan ini ada direworded di mana kejar buru barulah boleh dikuatkuasakan dengan perjanjian negara-negara yang lain, itu lain hal. Tetapi ini menunjukkan bahawa kita ada satu sikap, satu pemikiran bahawa ada high seas. Sebenarnya tidak. Saya ada menunjukkan satu map yang mana kalau Yang Berhormat Menteri tidak pernah tengok, saya boleh

tunjukkan kepadanya, di mana Malaysia akan menjadi zone-locked dan tidak ada high seas yang boleh kejar buru.

Saya menimbulkan perkara ini kerana saya rasa sangat kesal di atas sikap Yang Berhormat Menteri tadi. Kita dalam Parlimen ini apabila kita mahu luluskan satu Undang-undang yang begitu mustahak, kita mahu orang semua faham. Apabila kita timbul satu perkara yang kalau benar patutlah disetujui dan saya bertanya Yang Berhormat Menteri setuju atau tidak setuju bahawa Malaysia akan dizone-locked, tidak akan dapat high seas di mana tidak akan ada timbul "hot pursuit" selain daripada dapat perjanjian dengan negara-negara yang lain. Sama ada benar "zone-locked" dan Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa ada cukup masa dan semua mengatakan cukup masa, sebenarnya tidak cukup masa.

Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang sangat kompleks. Bukan senang, termasuk Yang Berhormat Menteri, boleh faham dalam satu dua briefing, satu teks untuk dibaca atau dua teks untuk dibaca. Saya tidak salahkan Yang Berhormat Menteri. Saya sendiri pun mengakui saya tidak cukup masa untuk dengan sedalamnya mengkaji perkara ini. Sebab itu saya ada protes dan Ahli-ahli Parlimen yang mengatakan mereka faham ini, semuanya bohong sahaja, bohong besar. Tetapi kita mahu dengan seiklasnya membincang masalah-masalah yang serius—janganlah pura-pura. Semua yang ada membahas dalam Parlimen ini sudah jadi expert, pakar dalam Law of the Sea. Saya rasa kalau perbahasan kita ini ditunjukkan kepada orang lain dan lain negara mungkin mereka akan ketawa dengan standard yang begitu rendah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat seorang tidak faham, Yang Berhormat tidak boleh

membuat kesimpulan semua Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun tidak faham . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh kata Yang Berhormat Tuan Pengerusi tidak faham.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu boleh cabar, satu perbahasan. Itu jangan campur tangan dalam perkara ini, Tuan Pengerusi pun tidak faham, lebih tidak faham. Apa ini? Kita serius dalam Dewan ini, jangan pura-pura—jangan pura-pura!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, apabila Tuan Pengerusi cakap . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Tuan Pengerusi pun jangan pura-pura. Saya dengar. Apa ini?

**Tuan Pengerusi:** Sekali lagi saya terangkan, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam masa membahaskan usul jangan menyentuh pihak yang lain. Kalau kita sendiri tidak faham, jangan kita membuat buruk sangka bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak faham. Saya harap Yang Berhormat faham apa yang saya terangkan. Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi kalau sudah tunjuk mereka tidak faham, pura-pura faham, saya ada hak untuk menunjukkan kemarahan kita dan kemarahan rakyat. Semua Dewan ini pura-pura termasuk kalau Tuan Pengerusi tidak faham, yang pura-pura faham pun berpura-pura. Saya mahu cabar siapa yang cakap benar-benar faham ini. Saya sebut perkara ini supaya di masa akan datang janganlah kita main-main mengenai urusan yang serius di hadapan kita. Kita bukan semua pakar dalam semua bidang, tetapi kita ada tanggungjawab apabila kita mahu meluluskan sesuatu

perkara, kita mahu kaji atau ada Ahli Parlimen yang mahu kaji, ada cukup masa mengkaji dan membahas. Jangan semua datang ke sini cakap perkara yang sebenarnya apabila mereka sebenarnya tidak faham. Itu sebenarnya apa yang berlaku. Apa yang berlaku dalam debate itu adalah satu laughing stock.

Yang Berhormat Menteri sendiri sudah tunjuk dia pun tidak begitu faham. Semalam saya ada tunjuk tidak faham apa perbezaan “continental shelf” dan EEZ. Saya tidak salahkan dia, kompleks, rumit, kita akui, tetapi jangan pura-pura, khasnya apabila seorang Yang Berhormat menjadi Tuan Pengerusi. Itulah diharapkan lain kali jangan pura-pura.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36 (6), seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

**Dato K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, masa Yang Berhormat Tuan Pengerusi mengalamatkan ucapan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak duduk di tempat beliau.

**Tuan Pengerusi:** Saya sudah tarik perhatiannya dalam Peraturan Mesyuarat 42, apabila Yang di-Pertua bercakap, Ahli-ahli lain mestilah duduk, dan beliau duduk tadi.

*Fasal 8 hingga 25* diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

*Fasal 26 hingga 42* diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, kata bersetuju. Yang tidak bersetuju, kata tidak. Lebih suara yang bersetuju. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Suatu Akta berhubungan dengan Zon Ekonomi Eksklusif dan aspek-aspek tertentu mengenai pelantar benua Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai pengawal-seliaan aktiviti-aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju kata bersetuju . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Kita sekarang dalam Committee Stage oleh kerana kita belum lagi balik kepada Dewan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat tidak sedar keluar Dewan tadi kita sudah masuk kepada Majlis Mesyuarat sekarang. Sekarang kita dalam Majlis Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini di dalam Committee Stage.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sudah selesai Committee stage. Saya harap Ahli Yang Berhormat lain kali kena ikut Dewan ini, jangan keluar ikut suka sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu hak kita. Kita mahu keluar, bila boleh keluar. Kita mahu masuk, bila boleh masuk.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, boleh keluar. Tetapi bila hendak buat teguran mesti berhati-hati dulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, janganlah batal hak yang kita ada. Bila-bila boleh keluar dan bila-bila boleh masuk.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila duduk!

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL-USUL

### AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

#### Memotong Butiran "Exploitation of Minerals in Malay Reservation Loan Fund"

4.25 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan—

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen kecil 4 (a) Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan memotong butiran seperti berikut:

"Exploitation of Minerals in Malay Reservation Loan Fund."

Tuan Yang di-Pertua, seksyen kecil 4 (a) Seksyen 10 yang berkenaan menetapkan bahawa Dewan ini dari masa kesemasa boleh membuat ketetapan untuk meminda, memotong atau menambahkan senarai Kumpulanwang dalam Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957.

Kerajaan telah membuat keputusan supaya Kumpulanwang Pinjaman untuk Penerokaan Galian ini dimansuhkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kumpulanwang Pinjaman untuk Penerokaan Galian dalam kawasan Simpanan Melayu telah ditubuhkan dalam tahun 1967 dengan ketetapan Dewan ini. Tujuan Kumpulanwang ini ditubuhkan ialah untuk membantu kaum bumiputera menyertai dan mengambil bahagian dalam perusahaan perlombongan dan penerokaan galian di dalam kawasan-kawasan Simpanan Melayu. Untuk tujuan ini Kerajaan Persekutuan telah memberi sumbangan permulaan sebanyak \$500,000 untuk membeli perkakas dan alat-alat kelengkapan perlombongan untuk dipinjamkan kepada pelombong, syarikat-syarikat atau koperasi-koperasi bumiputera yang meneroka galian di kawasan-kawasan Simpanan Melayu.

Kumpulanwang ini hanya berjalan lancar pada peringkat permulaan penubuhannya sahaja. Beberapa tahun selepas itu perjalanannya adalah lembab dan akhirnya tidak bergerak langsung mulai dari tahun 1979 hinggalah ke hari ini.

Jumlah baki kredit dalam akaun Kumpulanwang ini pada masa sekarang ialah sebanyak \$500,000 iaitu bersamaan dengan sumbangan permulaan jumlah Kerajaan.

Oleh kerana Kumpulanwang ini tidak lagi bergerak mulai tahun 1979 maka adalah dirasakan bahawa Kumpulanwang ini tidak lagi diperlukan. Dengan yang demikian pemansuhan Kumpulanwang ini

adalah wajar dan wang tersebut dapat pula disalurkan kepada projek-projek lain yang memerlukan.

Walaupun Kumpulanwang ini dimansuhkan ianya bukanlah bermakna bahawa Kerajaan tidak memberi apa-apa bantuan lagi kepada peneroka galian bumiputera. Sebaliknya pula, pihak Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan di bawah Anggaran Pembangunan pada tiap-tiap tahun mulai dari 1976 kepada Jabatan Galian Malaysia yang di antara tujuannya adalah mengadakan program penerokaan galian di Kawasan-kawasan Simpanan Melayu. Oleh yang demikian peneroka-peneroka bumiputera yang berminat dan mahu menjalankan aktiviti ini masih boleh melakukannya melalui program pembangunan oleh Jabatan Galian ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Kumpulanwang Pinjaman untuk Penerokaan Galian dalam Kawasan-kawasan Simpanan Melayu dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen kecil 4 (a) 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, mengambil

ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan memotong butiran seperti berikut:

“Exploitation of Minerals in Malay Reservation Loan Fund.”

**AKTA PERSATUAN  
PEMBANGUNAN ANTARA-  
BANGSA 1960—CARUMAN  
TAMBAHAN MALAYSIA**

4.30 ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa—

Mengikut seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa caruman tambahan Malaysia dalam Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$22,850 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketetapan ini ialah untuk mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini bagi Malaysia mencarum sebanyak AS\$22,850 atau \$52,555 kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa. Persatuan Pembangunan Antarabangsa ialah satu badan gabungan Bank Dunia yang ditubuhkan untuk membantu negara-negara ahli yang kurang maju dengan memberi pinjaman jangka panjang dengan tidak dikenakan faedah. Negara-negara yang berpendapatan perkapitanya kurang daripada AS\$796 setahun sahaja yang layak menerima bantuan daripada persatuan ini. Persatuan ini membiayai kegiatan-kegiatannya dari sumber kewangan yang diperolehi dari caruman modal tambahan, semula modal dari negara-negara ahli yang lebih maju dan kaya dan pindahan pendapatan bersih dari Bank Dunia. Baru-baru ini persatuan telah mendapat tambahan semula yang

ketujuh sejumlah AS\$9,000 juta berkuatkuasa pada 1-7-1984 bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 1984 hingga 1987. Sumbangan ini adalah datangnya dari negara-negara maju dan juga beberapa negara-negara membangun seperti Korea dan Indonesia, dengan tambahan semula ini dapatlah persatuan ini meneruskan kegiatan-kegiatannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping sumbangan yang diperolehi itu negara-negara ahli juga diminta memberi caruman kepada persatuan ini. Malaysia telah diminta memberi caruman sebanyak AS\$22,850 atau seperti saya katakan tadi lebih kurang \$52,555.

Seperti saya sebutkan tadi negara-negara yang mempunyai perkapitanya sebanyak AS\$796 sahaja yang layak menerima bantuan daripada Persatuan ini. Malaysia tidak layak menerima bantuan oleh kerana pendapatan perkapita negara kita melebihi had ini, iaitu pada ketika ini perkapita negara kita ialah \$4,641.6 ataupun AS\$2,007.

Sebagai sebuah negara ahli adalah perlu bagi Malaysia bekerjasama dengan persatuan ini dalam usahanya membantu negara-negara miskin yang memerlukan bantuan. Oleh itu, adalah disyorkan supaya negara kita mencarumkan sebanyak AS\$22,850 kepada persatuan ini. Dengan caruman tambahan ini juga jumlah caruman negara kita kepada persatuan setakat ini berjumlah AS\$3,367,396 atau \$7,745,10.80.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Dijemput.

4.36 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan tentang pencaruman yang diminta supaya diluluskan kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$22,850.

Daripada penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nyata bahawa negara kita tidak berhak mendapat bantuan apa-apa daripada menyertai Persatuan Pembangunan Antarabangsa ini. Jadi dari segi perkiraan biasa apakah keuntungan yang kita akan dapat dengan pencaruman sebanyak yang kita telah carumkan kepada pembangunan ini. Jadi kalau persatuan ini adalah bermaksud untuk membantu negara-negara yang kurang maju di samping itu tentulah ada di sebalik itu apakah faedah-faedah yang kita akan dapat dan apakah bayaran caruman ini diwajibkan kepada semua negara dan negara yang ingin mendapat bantuan juga seharusnya memberi pencaruman ini supaya perbezaan di antara caruman yang diberi itu dengan negara-negara yang tidak langsung memberi pencaruman.

Selain daripada itu, saya ingin tahu faedah-faedah dari segi mendapat pinjaman wang kepada negara kita juga apakah perlunya Persatuan Pembangunan Antarabangsa ini kita menjadi ahlinya. Dari segi pencaruman ini, saya rasa kalau niat untuk bersedekah sebagai sebuah negara Islam kepada negara-negara kurang maju adalah amat baik, tetapi kalau sebagai sebuah negara yang membangun sepatutnya juga negara kita meminta pinjaman tanpa faedah ini untuk pembangunan rakyat miskin di luar bandar.

Misalnya, pembangunan pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan, petani-petani untuk mendapat bantuan atau pinjaman daripada

Persatuan Pembangunan Antarabangsa kerana negara kita walaupun perkapita yang dikatakan tinggi, tetapi dari segi kemiskinannya juga tinggi. Jadi sepatutnya negara membangun seperti negara kita juga diberi kemudahan atau pengecualian supaya mendapat pinjaman tanpa faedah ini demi untuk membantu rakyat kita yang boleh dikatakan masih kaya lagi dengan kemiskinan. Dengan sebab itu, saya minta kepada pihak yang berkenaan atau pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan sejelas-jelasnya dalam perkara menambah caruman ini dari segi faedah yang sebagai negara membangun yang dapat kepada kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

4.39 ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bahawa negara-negara yang dapat menikmati pinjaman tanpa faedah dari tabung persatuan ini adalah negara-negara yang termiskin, yakni negara-negara yang pendapatannya amat rendah.

Saya nyatakan tadi satu angka kurang daripada AS\$800 atau lebih tepat lagi AS\$796 setahun. Negara kita, kalau sekiranya diteliti dari segi peringkat dunia, bolehlah dikatakan sebuah negara yang sudah tinggi taraf ekonominya dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara yang sedang membangun.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan juga menganggotai persatuan ini maka sudah tentulah negara kita harus bertanggungjawab di dalam menjalankan tanggungjawab kita terhadap negara-negara yang lebih

kurang bernasib baik dibandingkan dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan faedah-faedah lain yang kita dapat daripada Bank Dunia oleh sebab persatuan ini sendiri adalah satu-satu badan yang bergabung dengan Bank Dunia. Di dalam hierarchy Bank Dunia, negara kita ini diletakkan di dalam lingkungan negara peringkat yang kedua. Saya tidak ingat jumlah angka yang ditetapkan sebenarnya bagi mengkategoriskan negara-negara ini, tetapi kita sendiri adalah di antara negara-negara yang dapat menikmati faedah-faedah tertentu daripada Bank Dunia. Ertinya tiap-tiap negara itu akan mendapat faedah-faedah bergantung kepada keadaan dan kedudukan ekonomi negara-negara berkenaan. Jadi ini sudah pastilah satu perkara yang tidak patut kita lari daripada kenyataan bahawa tiap-tiap negara yang telah maju, yang telah beransur maju dibandingkan dengan negara-negara yang amat miskin terpaksa memberi sumbangan-sumbangan tertentu dan sumbangan-sumbangan itu tidak semestinya diberi mengikut jumlah yang "absolute" tetapi mengikut peratusan-peratusan tertentu, mengikut kadar kemajuan, mengikut kadar keupayaan, mengikut kadar pendapatan perkapita negara-negara berkenaan.

Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita boleh memberi sedekah ataupun memberi caruman kepada negara-negara secara persendirian, seperti kita memberi caruman kepada sesebuah Negara Islam, ini juga boleh kita lakukan, tetapi pemberian kita melalui tabung ini adalah satu pemberian yang tidak mengikat pemberian kita itu dengan negara-negara penerima. Ertinya pemberian kita itu kepada tabung ini dan terpulanglah kepada tabung ini untuk membahagi-bahagikan kepada negara-negara yang boleh menerima

mengikut keadaan dan kedudukan ekonomi negara-negara berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pemberian seperti ini bukanlah bererti bahawa negara kita tidak ada memberi caruman kepada negara-negara lain secara bersendirian, malah di samping itu juga sebagai negara yang sedang membangun, kita juga mendapat faedah-faedah daripada negara-negara lain, yakni daripada negara-negara lain yang lebih maju lagi daripada kita, sama ada pemberian ataupun faedah yang kita dapat itu melalui pengetahuan, seperti dalam bidang teknologi ataupun melalui pinjaman-pinjaman yang dikatakan sebagai "soft loan" dengan negara-negara yang lebih maju daripada kita ataupun kita menerima pemberian-pemberian yang merupakan pemberian-pemberian secara geran yang mana pada kebiasaannya negara kita kurang suka menerima. Biasanya kita lebih senang kalau sekiranya pemberian-pemberian ataupun bantuan-bantuan ini diberi sama ada melalui pinjaman ataupun melalui perdagangan dengan sesebuah negara itu dengan mengurangkan tarif-tarif dan sebagainya.

Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan yang serba moden ini di mana tiap-tiap negara itu tidak dapat hidup dengan bersendirian, di mana sesebuah negara itu tidak dapat tidak mempunyai pertalian dengan negara-negara lain, maka sudah tentulah negara-negara yang lebih maju memberi bantuan, memberi pertolongan kepada negara-negara yang kurang maju. Bantuan-bantuan yang kita beri melalui Persatuan Pembangunan Antarabangsa ini adalah merupakan satu-satunya bantuan yang dapat kita berikan mengikut kadar dan keupayaan yang termampu oleh negara kita.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan, iaitu—

Mengikut seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa tambahan caruman Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$22,850 diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa tambahan caruman Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$22,850 diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.48 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi bidang kuasa jenayah bagi membolehkan Mahkamah-mahkamah Syariah membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau apa-apa denda tidak melebihi \$5,000

atau sebat tidak melebihi 6 kali atau apa-apa cantumannya berbanding dengan kuasa sekarang yang menghadkan kepada penjara 6 bulan atau dengan denda \$1,000 atau kedua-duanya sekali.

Undang-undang Mahkamah Syariah yang berkuatkuasa sekarang adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dari segi had maksima hukuman yang boleh dikenakan. Akta ini telah digubal lebih kurang dalam 18 tahun yang lalu dan ia memperuntukkan hanya denda maksima \$1,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali sahaja.

Di Malaysia pada masa sekarang kes-kes kesalahan jenayah di kalangan anggota masyarakat Malaysia amnya dan orang-orang Islam khasnya semakin bertambah walaupun Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menyekat kejadian jenayah di kalangan orang-orang Islam melalui usaha-usaha agama seperti dakwah, ceramah-ceramah agama dan penerangan-penerangan berhubung dengan agama Islam, namun kes-kes kesalahan jenayah terus berlaku.

Salah satu daripada cara untuk menghalang orang-orang Islam daripada terlibat dengan lebih banyak lagi kepada perbuatan-perbuatan jenayah maka pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih positif dan berkesan iaitu dengan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Dengan adanya pindaan ini maka hukuman dan denda atau kedua-duanya sekali yang dikenakan ke atas orang-orang Islam yang disabitkan dengan kesalahan tertentu akan menjadi lebih bererti dan berkesan lagi. Tujuan peruntukan yang membolehkan Mahkamah Syariah mengenakan hukuman yang lebih berat ini bukanlah dengan tujuan untuk menzalimi orang-orang Islam akan tetapi untuk menjadi peringatan

dan amaran kepada umum serta gesaan untuk mengelakkan daripada melakukan kesalahan jenayah. Kuasa hukuman jenayah seperti ini diperluaskan dengan penuh cermat dan hati-hati supaya tidak timbul percanggahan dengan roh syariat Islam yang sangat berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu hukuman yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga pada masa sekarang sedang bersungguh-sungguh untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam bidang pentadbiran. Maka dengan adanya pindaan ke atas Akta ini adalah diharapkan peningkatan dalam penerapan nilai-nilai Islam akan dapat diwujudkan di Mahkamah-mahkamah Syariah dengan membawa taraf Mahkamah-mahkamah Syariah akan setanding dengan Mahkamah Magistret. Kerajaan pula pada masa sekarang sedang mengatur program latihan untuk memperlengkapkan taraf dan kepakaran kadi-kadi di Mahkamah-mahkamah Syariah supaya kadi-kadi ini dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Dalam Rang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam yang telah diluluskan, kadi-kadi di Mahkamah-mahkamah Syariah telah diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman dalam setengah kes kesalahan melebihi seribu ringgit ataupun hukuman penjara lebih daripada enam bulan. Kuasa menjatuhkan hukuman seperti di atas ini tidak boleh dijalankan sekiranya Akta 23/65 iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) ini tidak dipinda. Memandangkan kepada perkembangan ini maka seksyen 2 Akta 23/65 itu perlulah dipinda supaya sesuai dengan perakuan Rang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam supaya Rang Undang-undang itu dapat dilaksanakan di peringkat negeri.

Dengan pindaan seperti di atas, Mahkamah Syariah boleh membicarakan kes-kes jenayah yang hukumannya tidak melebihi tiga tahun penjara atau denda tidak melebihi \$5,000 atau sebat tidak melebihi enam kali rotan. Dengan pindaan ini juga Mahkamah Syariah akan mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dan adalah diharapkan juga bahawa tindakan meminda Akta 23/65 ini dapat membendungkan timbulnya pembawa-pembawa ajaran salah dan penjenayah-penjenayah yang ditakrif oleh enakmen-enakmen hukum syarak negeri-negeri secara mengangkan hukuman yang lebih berat kepada mereka. Dengan itu Mahkamah Syariah boleh memainkan peranan penting bagi menjaga kepentingan setiap individu keluarga dan masyarakat Islam seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Baling.

4.55 ptg.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk serta membahas bagi kali yang pertama Rang Undang-undang yang sangat mulia ini yang bernama Satu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan penuh bahawa Rang Undang-undang ini sudah kena pada tempat dan masanya untuk dibawa di Dewan yang mulia ini bagi dibahas dan mendapat kelulusan dengan sepenuhnya.

Sejak kita merdeka beberapa pindaan Rang Undang-undang berhubung dengan perkara mengemaskini dan menyesuaikan undang-undang negara kita mengikut masa dan waktu telah dibuat dan dilaksanakan. Khususnya hal-hal agama sebagai agama rasmi negara kita.

Sejak 18 tahun Rang Undang-undang ini diwartakan dan dilaksanakan tetapi kini lagi sekali dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk dibahas dan mendapat kelulusan iaitu untuk memberi lebih kuasa kepada Mahkamah Syariah iaitu dengan hukuman lima kali ganda atas hukuman yang dikenakan kepada penjenayah iaitu dengan menghukumkan lebih berat kepada penjenayah yang mana dahulu hanya dikenakan hukuman penjara enam bulan dan denda seribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dengan pindaan ini dapat digandakan hukumannya, penjara tidak lebih daripada tiga tahun dan denda tidak lebih daripada \$3,000 atau sebat tidak melebihi enam kali atau apa-apa cantumannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini nanti penjenayah akan berkurangan dan tidak dengan sewenang-wenangnya melakukan sesuatu jenayah yang dikutuk oleh Allah s.w.t. itu.

Sungguhpun kegiatan agama seperti dakwah, penerangan, ceramah-ceramah, seminar demi seminar diadakan, namun begitu kes-kes

kesalahan jenayah semakin bertambah dan pembawa-pembawa ajaran salah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kegiatan Agama Islam sebagai agama rasmi negara kita Kerajaan telah membuat berbagai-bagai cara dan daya usaha bagi mempertingkatkan syiar Islam yang maha suci lagi mulia ini dengan mendirikan beratus-ratus buah masjid dan madrasah-madrasah baru dan memperbaiki dan memperluaskan yang lama, mempertingkatkan taraf pegawai-pegawai agama seperti guru-guru agama, memberi bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, mendirikan pusat-pusat dakwah, mengadakan Yayasan Dakwah, Islamiah mengadakan pertandingan Quran sejak awal negara kita merdeka lagi dengan mendapat sanjungan dari negara-negara Islam yang tidak putus-putus dan kian bertambah sambutannya. Mengadakan Persatuan Negara-negara Islam yang mana negara kita tidak ketinggalan mengambil daya usaha utama dalam mempelopori dan mentadbirkannya. Tetapi ada pihak-pihak yang mengatakan dan menuduh Kerajaan tidak melaksanakan hukum Agama Islam, ini tidak benar dan dusta sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Akta ini akan memberi tambahan dan menaikkan status Mahkamah Syariah ke taraf Mahkamah Magistret. Kita percaya Kerajaan Pusat dan negeri-negeri akan dapat melaksanakan Rang Undang-undang Keluarga Islam dan lain-lain enakmen-enakmen yang telah lulus yang bergantung kepada pindaan undang-undang ibu ini.

Sukacita dimaklumkan bahawa kadi-kadi sedang dipertingkatkan dan diperkemaskinian dengan mengadakan latihan khas bagi menentukan Mahkamah Syariah dapat

berjalan dengan baik dan bermutu dan penuh bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kesalahan pencuri tidak dikerat tangan dan berzina tidak direjam tetapi dengan penambahan hukuman ini maka akan mengurangkan penjenayah. Bagi melaksanakan dengan sepenuhnya kehendak hukum agama kita, saya percaya buat masa ini masih mempunyai beberapa kekurangan jentera dan kepakaran bagi memenuhi kehendak hukuman agama yang tak dapat dielakkan itu tetapi insya Allah dari satu masa ke satu masa akan sampai ke matlamat yang dituju.

Agama Islam sebagai agama rasmi negara dan Agama Islam sebagai agama yang diakui oleh Allah s.w.t. di sisiNya dan Agama Islam sebagai agama yang tinggi, tidak ada yang lebih tinggi dan Ugama Islam sebagai menjamin kebaikan dan keselamatan ummah di dunia juga akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya pindaan Akta ini, Mahkamah Syariah akan dinaikkan tarafnya sama dengan taraf Mahkamah Magistret dan pejabatnya akan menjadi contoh bagi lain-lain pejabat dalam menjalankan tugas mengikut Etika Kerja Islam yang bermula di semua Jabatan-jabatan di negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri perbahasan saya, saya berharap tiap-tiap pesalah atau penjenayah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah hendaklah seseorang penjenayah di masa menerima hukuman atas kesalahannya hendaklah disuruh bertaubat di samping menerima hukuman yang dijatuhkan kepadanya supaya lepas tugas sebagai seorang muslim terhadap Tuhan Rabuljalil.

Sekian saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama Satu Akta untuk meminda Akta

Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

*5.00 ptg.*

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi bagi saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), 1965 ini.

Berbangkit dari pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini, sukalah saya mencadangkan tentang beberapa perkara untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan bagi mengemaskan lagi jentera pentadbiran mahkamah syariah ini. Memandangkan bahawa kadar kesalahan-kesalahan jenayah seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi semakin hari semakin meningkat untuk dibicarakan di mahkamah syariah maka adalah wajar pada pendapat saya pihak Kerajaan memikirkan usaha-usaha dan bertindak untuk menaikkan taraf mahkamah ini supaya setaraf dengan mahkamah civil sama ada dari segi kemajuan kerjaya pegawai-pegawainya, taraf kedudukan pegawai-pegawainya, kemudahan-kemudahan bangunan-bangunan mahkamah yang semestinya lengkap dan selesa kalaulah diperhatikan keadaan sekarang agak tidak memuaskan, kenaikan pangkat dan sebagainya dan diharap perkara ini dilaksanakan dengan segera.

Saya mencadangkan perkara ini adalah sebagai menggulang rumusan-rumusan yang telah dibuat oleh Muktamar Pertama Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Malaysia pada tahun 1975 sebagai usaha tahun wanita antarabangsa dan

untuk dapat dilaksanakan dalam dekad wanita. Dekad wanita akan berakhir pada tahun 1985 maka saya menekankan sekali lagi agar tindakan menaikkan taraf mahkamah syariah ini dapat dilaksanakan dengan segera. Kalau tidak, rasa saya agak sukarlah bagi Kerajaan dapat mengambil hati wanita (*Tepuk*).

Selaras dengan cadangan menaikkan taraf mahkamah syariah ini peruntukan mestilah juga disediakan bagi menentukan kepakaran dalam bidang ini. Kerajaan hendaklah memikirkan peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi pegawai-pegawai yang seterusnya dapat meningkatkan mutu dan taraf profesion kadi-kadi. Kita tidak mahu lagi ada pihak yang menganggap bahawa kadi-kadi ini tidak berkelulusan.

Di samping itu saya mendapat fahaman bahawa pihak Kerajaan akan mengadakan kursus Diploma Lanjutan Undang-undang dan Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa bagi sesi akademik tahun 1985/1986. Adalah diharapkan kursus tersebut berjalan lancar serfa dapat menghasilkan golongan kepakaran dalam bidang ini dari semasa ke semasa dan Kerajaan patutlah juga membuat unjuran yang realistik dari segi bilangan mereka yang diperlukan dalam tempoh masa yang menasabah agar tiada pembaziran kemahiran tenaga mahir berlaku.

Dalam keadaan yang ada pada hari ini apa yang berlaku mereka yang menuntut dan dituntut yang dibicarakan di mahkamah syariah tiada pilihan melainkan menggunakan khidmat peguam-peguam yang didaftarkan di Majlis Peguam Malaysia ataupun melalui Peguam Biro Bantuan Guaman bagi membela dan membantu mereka dalam pembicaraan di mahkamah-mahkamah

syariah, umum berpendapat peguam-peguam berkenaan dianggap tidak mahir dalam hal ehwal hukum syarak dan ini menimbulkan kesulitan bagi mereka. Oleh yang demikian adalah wajar Kerajaan menyegerakan penubuhan Majlis Peguam Syarie untuk mengadakan perkhidmatan peguam syarie yang benar-benar mahir dalam hal ehwal hukum syarak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan Akta yang berkenaan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

5.05 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan yang dibentangkan dalam Parlimen ini bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Jadi sebagaimana rakan saya tadi juga mengatakan bahawa pindaan sudah sampai masanya dengan hasrat Kerajaan kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam negara kita dengan melalui perundangan Islam dengan secara peringkat demi seperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat hukuman yang ditambah ini adalah amat ringan kalau kita bandingkan dengan hukuman yang akan dijatuhkan berdasarkan undang-undang Islam yang sebenarnya, tetapi walaupun ringan kita akan menganggap ini adalah merupakan tangga pertama bagi mencapai ke taraf Kerajaan kita melaksanakan perundangan Islam yang sebenarnya terutama bagi negara kita yang mempunyai rakyat yang majmuk ini yang mudah menimbulkan perkara-perkara maksiat, yang mudah menjadi perkara-perkara yang kurang baik, yang mudah menjadi perkara-perkara yang melanggar dari segi perundangan Islam.

Cuma saya ingin mengetahui apakah undang-undang jenayah ini juga akan merupakan mengambil alih ataupun akan menyamai undang-undang jenayah biasa yang diadakan di mahkamah-mahkamah majistret. Kalau inilah diadakan bahawa orang-orang Islam yang melakukan kesalahan mencuri maka atau kesalahan-kesalahan biasa boleh dibicarakan di mahkamah syariah ini dengan hasrat bahawa akan mengurangkan beban atau "backlog" yang begitu banyak terdapat di mahkamah-mahkamah majistret yang biasa kerana dengan adanya pindaan ini saya rasa perkara-perkara kesalahan ringan akan dapat dibicarakan di mahkamah syariah terutama kepada orang-orang Islam yang sedikit sebanyak akan mengurangkan beban mahkamah biasa sebagaimana yang berlaku pada hari ini, yakni satu kesalahan yang kecil akan memakan masa yang berbulan-bulan bahkan bertahun-tahun, bahkan dua, tiga kali panggil ke mahkamah pun tidak selesai lagi.

Dengan sebab itulah kadang-kadang perbicaraan yang dilakukan itu walaupun yang didenda itu tidak bersalah, lebih baik mengaku salah daripada datang empat, lima kali ke mahkamah. Jadi ini merupakan mengajar kita supaya orang yang tidak salah mengaku salah dan ini bohong, satu perkara yang kita kata pengakuan bohong yang dia tidak salah mengaku salah kerana hendak senang kerana bukan sahaja untuk mengurangkan perbelanjaan dia tetapi untuk menyenangkan mahkamah dan saya pernah dengar bahawa kalau hendak senang mengaku salah sahajalah. Disebabkan inilah maka walaupun satu kesalahan yang kecil yang patut kita bicarakan, tidak menggalakkan orang mengaku salah kerana menggalakkan orang mengaku salah, seolah-olah satu pembohongan yang berlaku dan walaupun ini mudah bagi pihak mahkamah tetapi adalah satu

pembohongan bagi orang Islam tidak patut berbohong walaupun benda ini benar, walaupun benda itu yang boleh merugikan mereka.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyentuh bahawa dengan pindaan ini juga kita berharap bahawa undang-undang ini akan menyelaraskan sebarang perundangan Islam yang ada di antara negeri-negeri. Kita tidak hendak bahawa satu negeri mendendanya lebih mahal atau lebih tinggi dendanya daripada negeri-negeri lain dan ada negeri yang lebih ringan daripada apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Jadi dengan itu kita berharap perundangan Islam di antara negeri-negeri ini dapat diselaraskan dari segi mengenakan denda atau mengenakan peraturan-peraturan perundangan Islam di antara negeri-negeri. Dari segi menaikkan taraf kadi sebagaimana yang disuarakan oleh rakan saya tadi, jadi perkataan kadi itu pun sudah lama digunakan, jadi apabila dalam pejabat tanah telah pun diubah daripada Pemungut Hasil Tanah (PHT) telah jadi Pegawai Tanah Jajahan maka saya mencadangkan juga dengan kenaikan taraf ini, nama baru diberi kepada kadi misalnya diberi nama baru, boleh reka sama ada kita hendak panggil "Ketua Agama Islam Daerah" yang akan bertanggungjawab bagi masalah-masalah Islam di daerah atau jajahan itu. Dan dengan penambahan kuasa yang kita beri sudah tentu kadi itu akan lebih percaya dan confident bagi dirinya untuk menjalankan tanggungjawab dan bidang kuasanya yang lebih luas. Dan kalau sekiranya kita dapat menyamakan tarafnya dengan majistret dan dapat pula membicarakan kes-kes biasa yang dilakukan oleh orang Islam maka sudah tentulah kedudukannya, taraf gajinya juga diberi persamaan sebagaimana taraf yang kita beri kepada pegawai-pegawai lain. Begitu juga di dalam perlantikan-perlantikan

baru bagi jawatan itu juga dipilih daripada mereka yang berkelulusan ataupun yang mempunyai pengalaman yang lebih baik yang bersesuaian dengan kedudukannya sebagai ketua agama Islam daerah dan setaraf dengan pegawai daerah dan juga majistret yang ada di daerah itu.

Dengan cara ini, dengan kenaikan taraf ini maka penghormatan orang kepada mereka ini akan lebih dan pandangan orang kepada kadi-kadi yang ada sekarang ini juga tinggi serta mereka ini dapat menghormati apa sahaja usaha yang dijalankan oleh majlis agama daerah atau pejabat agama daerah itu dengan lebih serius dan lebih amati lagi.

Selain daripada itu, juga jika sekiranya tidak bersalahan dengan peraturan yang ada bahawa perkhidmatan kadi ini yang bersesuaian dengan namanya saya cadangkan tadi, kalau boleh supaya dijadikan sebagai Perkhidmatan Persekutuan ataupun Perkhidmatan Federal. Kalau tidak boleh setidaknya diselaraskan supaya taraf mereka itu mempunyai taraf yang sama dan juga mempunyai peranan yang sama mempunyai pengalaman yang sama dan mempunyai bidang kuasa yang lebih luas yang dapat memberi satu motivasi atau dapat satu penggalakan di dalam perkhidmatan mereka, terutama di dalam mereka dapat pengalaman baru serta dapat pula mereka ini naik pangkat ataupun mewujudkan peluang naik pangkat yang lebih besar lagi kepada mereka ini, kerana ini adalah penting bagi seorang yang berkhidmat. Kalau 20 tahun duduk di Pejabat Kadi dengan kenaikan gaji yang biasa, sudah tentulah akan melembabkan perkhidmatan mereka ini. Jadi sekiranya perkhidmatan ini diwujudkan peluang-peluang naik pangkat yang lebih luas sebagaimana saya cadangkan tadi, maka sudah tentulah mereka ini akan berkhidmat dengan lebih baik dan juga akan

memberikan suatu penggalakan sebagaimana juga yang diberikan kepada Pegawai M.C.S. dan pegawai lain yang akan menggalakkan mereka itu berkhidmat dengan lebih baik, berkesan dan juga akan memberi faedah yang luas kepada orang Islam yang ada di negara kita ini.

Dengan itu, saya menyokong pindaan ini supaya undang-undang ini dilaksanakan dengan segera dan akan memberi kesan yang baik kepada umat Islam seluruhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:**  
Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

*5.15 ptg.*

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang):** Bismillah-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang dipinda yang dibentangkan dalam dewan yang mulia hari ini, pihak parti saya Hamim, Hisbulmuslimin memberi penghargaan dan mengalu-alukan Akta ini yang begitu lama pihak kami pejuang-pejuang Islam menunggunya kerana kami memahami bahawa dengan membentangkan Akta Mahkamah Syariah ini, walaupun dalam bentuk yang ringkas sahaja tetapi ini telah memberi satu bukti sebagai titik permulaan ataupun titik kesungguhan daripada pihak Kerajaan dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Pihak saya dan pihak parti saya memang menginsafi bukanlah suatu yang senang yang akan dihadapi oleh pihak Kerajaan dalam hendak melaksanakan perundangan Islam dalam pemerintahan negara yang bukan sahaja memerlukan kepada masa, tenaga dan keupayaan serta

suasana sekeliling. Apa lagi pula dalam masyarakat kita yang terdiri daripada rakyat berbagai bangsa dan berbagai keturunan dan berbagai kepercayaan. Walaupun saya sedar barangkali bagi setengah-setengah kalangan rakyat dalam negara ini, dalam negara Malaysia yang kita cintai ini, berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan sejak dahulu sehingga sekarang dan sebagai menunjukkan kesungguhannya dalam hendak meninggikan undang-undang Islam ataupun taraf agama Islam dalam negara ini, tetapi masih ada kalangan yang rasa tidak senang, yang rasa tidak puas sebagaimana juga usaha Kerajaan dalam melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain dasar lagi itu pun banyak kalangan rakyat yang tidak puas. Ini soal sudah biasa dalam mana-mana negara sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mendirikan sebuah rumah, kita tidak cukup hendak mendirikan bumbungnya sahaja tanpa tiang, tanpa asas yang kukuh. Jadi begitulah juga dalam menuju ke sebuah negara yang akan melaksanakan perundangan Islam dengan sepenuhnya memakan masa dan memakan peringkat bukan sekali gus. Barangkali bagi setengah-setengah kalangan yang tidak puas hati dengan apa yang telah dilaksanakan dalam negara ini pun sendiri, kalau kita bertanya bagaimana cara mereka hendak melaksanakan, mereka setengahnya tak tahu pun cara ataupun teraba-raba dalam hendak melaksanakan apa yang mereka perjuangkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan Akta Mahkamah Syariah ini, saya meminta pihak yang berkenaan supaya mengemukakan sekali lagi Rancangan Undang-undang Mahkamah Syariah yang lengkap dengan menggunakan naskah yang sah, yang sah daripada bahasa Malaysia sendiri, tidak bahasa Inggeris kerana

kita tidak mahu lagi mempesakai peraturan-peraturan ataupun cara-cara zaman penjajahan dahulu. Kita mahu kedaulatan bahasa kita dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dan pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Akta Mahkamah Syariah yang ringkas ini saya mendapat faham bahawa tidak termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk membicarakan kesalahan mencuri di kalangan orang Islam dan satu yang penting ialah kesalahan rogol di kalangan orang Islam.

Jadi, saya minta pihak Kerajaan meneliti kembali tentang hal kesalahan-kesalahan jenayah di kalangan orang-orang Islam supaya termasuk dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Dan saya memberi sokongan kepada salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan dalam Dewan ini supaya dibentuk sebuah Majlis Peguam Syariah untuk meningkatkan ataupun menyempurnakan perjalanan Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dan untuk melaksanakannya supaya lebih berkesan lagi Akta Pindaan Mahkamah Syariah ini, maka bagi pihak Kerajaan dan pihak yang berkenaan setiap negeri supaya membentuk sebuah pasukan ataupun satu pasukan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahasa Arab disebut "Bulisul Adab", iaitulah Pasukan Polis Akhlak. Pasukan inilah yang setengah dipanggil Pasukan Pencegah Maksiat macam di Kelantan. Pasukan inilah yang menjalankan kuatkuasanya untuk membanteras gerakan-gerakan maksiat di kalangan orang-orang Islam dan masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi bahawa pindaan Akta Mahkamah Syariah ini sebagai titik permulaan ataupun titik menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan dalam melaksanakan

sepenuhnya penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara masih terdapat segolongan rakyat yang mungkin kerana kefahaman mereka sama ada terkeliru atau dikelirukan tetapi pokoknya terletak kepada potongan ayat Al-Quran yang menjadi nas dan pegangan mereka. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membaca surah dalam Suratul Ma'idah, ayat 44, 45 dan 47; tiga ayat ini yang bermaksud: "Siapa-siapa yang tidak menjalankan hukum Allah, maka orang itu orang kafir, dan siapa-siapa yang tidak menjalankan hukum Allah (dalam ayat yang lain) orang itu orang zalim, dan siapa-siapa yang tidak menjalankan hukum ataupun undang-undang Allah maka orang itu orang fasiq". Inilah ayat yang menjadi pegangan ataupun yang dijadikan nas bagi setengah golongan yang mengingini supaya undang-undang Islam dijalankan dalam negara kita dan siapa-siapa yang ingkar tidak mahu menjalankan undang-undang Islam dengan nas inilah maka dikatakan orang itu orang kafir.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagaimana pernah saya katakan, saya bukan mufti tetapi bagi pihak ahli mufasirin, ahli pentafsir Al-Quran yang lebih muktabar yang mempunyai kepakaran yang tinggi tentang pentafsiran ayat Al-Quran mempunyai pengertian yang lain, tidak sebagaimana yang difahamkan oleh golongan yang saya katakan tadi. Jadi, untuk menghadapi masalah ini saya menghargai di atas penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan Akta Mahkamah Syariah tadi iaitulah pihak Kerajaan sedang berusaha undang meningkatkan lagi penerangan dan fahaman dalam masalah penerapan nilai-nilai Islam dalam negara ini dan meninggikan kedudukan taraf kadi-kadi dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah supaya seluruh rakyat terutama masyarakat Islam dalam negara ini

bukan sahaja mendengar kenyataan pihak Kerajaan sebagai suatu dakwah tetapi sebagai suatu kenyataan tentang kesungguhan pihak Kerajaan dalam usaha melaksanakan perundangan Islam seperingkat demi seperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuhkan sedikit di sini walaupun Akta Mahkamah Syariah (Pindaan) ini dikemukakan dalam Dewan ini dan mungkin Insya Allah akan diluluskan tetapi mungkin timbul di kalangan orang-orang yang bukan Islam rasa kecurigaan ataupun rasa bimbang terhadap usaha-usaha dalam gerakan penerapan nilai-nilai Islam ini, maka saya mengharapkan pihak rakyat yang bukan Islam dalam negara ini tidak meletakkan apa kecurigaan ataupun apa kebimbangan tentang usaha Kerajaan ini kerana saya yakin bahawa penerapan nilai-nilai Islam dengan adanya pindaan Akta Mahkamah Syariah ini matlamat yang dituju oleh Kerajaan ialah matlamat yang baik demi muslihat masyarakat dan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya sekali lagi mengumumkan bahawa pihak saya dan Parti Hamim menyokong dengan sepenuhnya pindaan Akta Mahkamah Syariah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

*5.31 ptg.*

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. kerana dapat berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang meminda seksyen 2 (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini sebagaimana yang termaklum yang diterangkan oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah-mahkamah Syariah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan denda \$5,000 serta sebat enam kali, berbanding dengan undang-undang yang lama yang menghadkan kepada penjara enam bulan dan denda \$1,000. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa keadaan di negara kita ini kes-kes jenayah kian hari kian bertambah sekali pun pihak Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai usaha dan ikhtiar seperti majlis ceramah, dakwah dan lain-lain corak pengajaran agama menerusi majlis-majlis syarahan ataupun mass media Kerajaan seperti menerusi TV, akhbar, majalah dan sebagainya. Soalnya sekarang, mengapakah begitu ghairah penjenayah-penjenayah ini terus mengamalkan tabiat-tabiat yang keji itu di dalam negara kita ini. Apakah benar dakwaan kita mengatakan kerana undang-undang yang ada itu ringan, hanya \$1,000 atau enam bulan penjara sahaja, maka sebab itulah Kerajaan mencadangkan supaya dinaikkan kadar hukuman ini daripada \$1,000 kepada \$5,000, penjara daripada enam bulan kepada tiga tahun dan ditambah dengan sebat. Pada pendapat saya mungkin ada faktor-faktor lain yang perlu dilihat. Satu daripada perkaranya barangkali kerana kejahilan penjenayah-penjenayah itu sendiri tentang memahami apakah jenis kesalahan ataupun perkara-perkara yang termasuk di dalam kesalahan-kesalahan jenayah itu.

Di dalam mengatasi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat oleh sebab negara kita mengadakan amalan dua mahkamah, satu Mahkamah Civil dan satu Mahkamah Syariah, patutlah pihak Kerajaan akan dapat mensenaraikan

kes-kes atau jenis-jenis kesalahan yang dimaksudkan dengan kesalahan jenayah-jenayah kepada umat Islam di dalam negara ini dan disebarkan dengan meluas kepada masyarakat supaya mereka faham mana-manakah perkara yang dimaksudkan dengan jenayah mengikut pandangan Islam. Walau bagaimanapun, saya percaya mungkin hal ini telah pun dilakukan oleh Kerajaan tetapi saya berharap supaya penyibarannya dibuat secara lebih meluas.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini amatlah penting supaya dapat diselaraskan dengan peruntukan di dalam Rang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam yang sedang dipakai oleh negeri-negeri di Malaysia ini. Walaupun di negeri-negeri ini ada Majlis Agama Islamnya sendiri tetapi mereka tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang ada di negeri masing-masing. Oleh sebab itu, langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri, Majlis Kebangsaan Agama Islam adalah satu langkah yang wajar dan saya berharap supaya perkara-perkara yang menjadi penghalang kepada kelicinan perjalanan Enakmen Pentadbiran Agama Islam di tiap-tiap negeri itu patutlah diberikan sepenuh-penuh kerjasama dan dapat diselaraskan bagi seluruh pentadbiran agama di seluruh negara kita. Saya juga sedar pihak Kerajaan Pusat telah berusaha untuk menyelaraskan perjalanan Pentadbiran Keluarga Islam di negeri ini di tiap-tiap negeri, tetapi saya tidak tahu barangkali akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah semua negeri-negeri di Malaysia ini telah menerima saranan Kerajaan Pusat atau Majlis Kebangsaan Agama Islam supaya Rang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam dapat dijalankan di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap menerusi undang-undang ini, bukan sahaja dapat memberikan kesedaran dan keinsafan kepada penjenayah-penjenayah, tetapi juga akan dapat memberi perlindungan kepada setiap individu Islam yang tidak berdosa tetapi yang lebih penting ialah untuk menjaga dan mempertahankan kesucian agama Islam daripada dinodai oleh manusia-manusia yang menjadikan kuda tunggangan iblis dan syaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Islam, saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan kerana telah memberi dorongan dan galakan yang positif bagi mempertingkatkan syiar Islam di negara ini jika dibandingkan sikap pemerintah di zaman penjajahan dahulu.

Hakikat ini seharusnya disedari oleh umat Islam sendiri. Tujuan saya membangkitkan ini supaya dapat menangkis fitnah-fitnah dan kekeliruan yang seringkali ditimbulkan oleh golongan-golongan tertentu yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri opportunist-opportunist politik yang menggunakan agama untuk kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menunjukkan perbandingan atau perbezaan dari segi sikap Kerajaan sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan, perbezaannya adalah terlalu jauh, ibarat langit dengan bumi. Sebagai contoh, umpamanya kita ambil perkara yang mudah di dalam soal pembinaan masjid. Pada zaman sebelum merdeka dahulu jika masyarakat Islam hendak mendirikan sebuah masjid di dalam sebuah qariah, lazimnya mereka menubuhkan sebuah Jawatankuasa Masjid. Mereka ini

bertugas selain daripada merancang bagaimana bentuk bangunan masjid itu, mereka berusaha mendapatkan wang untuk membiayainya. Usaha-usaha ini telah dibuat begitu gigih kadangkala hingga sampai 10-15 rahun belum lagi wang itu mencukupi bagi membiayai pembinaan sebuah masjid di dalam sebuah qariah. Akan tetapi pada masa kini dengan dorongan dan galakan yang positif daripada Kerajaan terhadap mempertingkatkan syiar Islam di negara ini, kita lihat di dalam waktu yang pendek sahaja masyarakat Islam berjaya mendirikan masjid di qariah masing-masing jika dibandingkan masa yang diambil pada zaman Kerajaan penjajah dahulu. Malahan di waktu-waktu yang akhir ini di tiap-tiap daerah, negeri dan negara masing-masing, ada dengan masjidnya sendiri lengkap dengan imam dan pegawainya.

Fungsi masjid ini adalah jelas sebagaimana kita ketahui di dalam Islam ianya merupakan satu institusi, sebuah rumah Allah yang paling suci di dalam dunia ini. Tidak ada tempat yang suci selain daripada masjid. Di masjid inilah orang-orang Islam dianjurkan supaya bersembahyang jumaah, beribadat secara berjumaah pada setiap hari lima waktu sehari semalam; di masjid ini jugalah dianjurkan supaya dapat diperkukuhkan lagi tali persaudaraan dan silatur-rahim di kalangan umat Islam dan di masjid inilah dijadikan sebagai pusat untuk memancarkan sinar Islam, memperkuat ajaran Islam yang berlandaskan kepada tiga aspek iaitu Akidah, Syara'iah dan Akhlak.

Ketiga-tiga asas ini adalah merupakan satu kunci ataupun merupakan satu pedoman, panduan hidup kepada umat Islam di dalam negara ini. Menerusi Akidah kita akan dapat mengetahui tentang kewujudan Allah dan juga Rukun Iman yang lain.

Di dalam Syara'iah kita akan dapat mengetahui tentang hukum-hukum Undang-undang Islam, hubungan antara manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan Akhlak ialah kelakuan yang dituntut oleh Islam. Akan tetapi yang menyedihkan di waktu-waktu akhir ini ada golongan-golongan yang menjadikan masjid ini sebagai satu markas untuk menaburkan fitnah yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam. Ini adalah bercanggah dengan kehendak-kehendak Islam sendiri.

Oleh sebab itu, saya berharap, sebagaimana yang saya katakan pada mula tadi, patutlah pihak Kerajaan akan membuat kajian yang mendalam tentang tafsiran kesalahan-kesalahan jenayah di dalam Islam kerana di masjid ini mereka telah mengadakan fitnah-fitnah dan mengeluarkan fitnah-fitnah yang bertentangan dengan akidah Islam sendiri, seperti fatwa mengkafirkan orang-orang Islam, ada pula anjuran pulau memulau waktu berlaku kematian, kenduri dan sebagainya. Ini juga bercanggah dengan akidah Islam. Apakah orang-orang yang menimbulkan fatwa-fatwa yang karut-marut ini dan menimbulkan perpecahan dalam masyarakat ini tidak boleh dimasukkan dalam kategori orang-orang yang melakukan jenayah?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Inilah yang perlu diketahui oleh umat Islam kerana kita manusia ini dijadikan Allah bukan untuk berpecah-belah, sebagaimana Tuhan berfirman yang bermaksud, dengan izin: Wahai umat manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku puak supaya kamu saling kenal mengenal.

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (Al-Hujrat Ayat 13). Jelas bahawa seluruh manusia ini adalah dijadikan oleh Allah, ada yang dipanggil bangsa Melayu, Cina, India dan sebagainya tetapi bukan disuruh untuk bermusuhan, bercakar-cakaran, bermaki-makian; tetapi disuruh berkenalan-kenalan dan berbaik-baik. Sebab itu Nabi Muhammad pernah bersabda: Barang siapa yang menyakiti orang-orang "kafir-zinni" (kafir-zinni ialah orang-orang Cina, India di negara ini mengikut fatwa Mufti Negeri Terengganu), akan menjadi musuhku di akhirat kelak. Ini sabda Nabi, tidak boleh kita menyakiti, Nabi menekankan lagi tidak sempurna iman seseorang Islam itu kalau ia tidak kasih kepada saudaranya iaitu orang-orang mukmin dan juga jiran tetangganya termasuk orang-orang kafir, orang-orang bukan Islam, sepertimana ia kasih kepada dirinya sendiri. Ertinya kalau Cina di tepi rumah orang Islam itu sakit kita tidak tolong, kita berdosa. Kalau dia tidak makan, kita kena beri makan; kalau dia sakit tolong hantar ke hospital. Tidak boleh dibiarkan—awak Cina, pergi mampuslah! Tidak boleh, ini hukum Islam. Tetapi ada orang yang menaburkan fitnah memburukkan Islam mengatakan tidak boleh kawan Cina, tidak boleh kawan Hindu ini orang kafir, itu orang kafir, macam-macam. Inilah yang perlu dilihat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya masukkan golongan-golongan yang sudah menyeleweng daripada ajaran Islam ini kepada kumpulan penjenayah-penjenayah yang bertentangan dengan ajaran Allah dan ajaran Nabi Mohammad s.a.w. Saya bercakap ini sebagai seorang Islam bertanggungjawab kerana saya tidak mahu disoal di hadapan Rabbul Jalil kelak mengapa kamu tahu kamu tidak terangkan. Ini sudah terang. Sebab itu saya berkawan dengan orang Cina sebab itu saya

menyokong dalam UMNO dan Perikatan dan Barisan Nasional kerana ini disuruh oleh Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta bercakap berkenaan dengan perkara yang di hadapan kita ini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Ini fasal jenayah, ada berkaitan dengan kesalahan-kesalahan jenayah. Yang dimaksudkan bagaimana yang dikatakan jenayah, adakah membawa ajaran salah sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu tidak berapa bersangkutan dengan apa yang dibincangkan di hadapan kita.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Rang Undang-undang ini adalah selaras dengan langkah Kerajaan untuk penerapan Islam di dalam negara ini. Saya berharap kalau kita benar-benar mahu hidup bahagia di dunia dan di akhirat tiada pilihan lain, melainkan setiap individu khususnya orang-orang Islam hendaklah menyokong sepenuhnya konsep atau dasar penerapan Islam ini. Bagi orang-orang bukan Islam tidak harus bimbang kerana telah saya terangkan tadi adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Islam menunjukkan contoh teladan yang baik bagi kepentingan umat manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang meminda Seksyen 2 Akta 23/1965 Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, terima kasih.

5.53 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya merafak syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala di mana walaupun kita menunggu agak begitu lama tetapi belum terlewat satu Akta untuk

meminda kepada Akta Mahkamah Syariah di dalam bidang kuasa jenayah 1965 telah dapat juga dibentangkan di Dewan ini bagi kelulusan dan perlaksanaannya.

Saya turut memberi penghargaan kepada pihak Kerajaan khususnya Timbalan Menteri yang mengemukakan Rang Undang-undang ini di mana ini adalah benar-benar membuktikan bahawa sesungguhnya bagi pihak Kerajaan yang bertanggungjawab kepada pelaksanaan tugas yang diberi amanah oleh rakyat benar-benar mempunyai cita-cita dan harapan bagi melaksanakan sepenuhnya kehendak-kehendak yang telah menjadi tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta ini sepatutnya telah dilaksanakan agak lama dahulu lagi terutama sekali kepada Rang Undang-undang Kekeluargaan yang telah dibentangkan di peringkat negeri-negeri telah pun dilulus dan dilaksanakan sedangkan Akta Mahkamah Syariah di dalam bidang kuasa jenayah 1965 baru hari ini dapat dibentangkan untuk dibuat pindaannya.

Adalah wajar bahawa hukuman yang diberi di bawah kuatkuasaan atau bidang kuasa jenayah, Akta Mahkamah Syariah ini dipertingkatkan memandangkan bahawa kes-kes jenayah agama khasnya di bidang Mahkamah Syariah bukan berkurangan dengan adanya lebih banyak dakwah-dakwah dan pengajaran-pengajaran agama Islam sendiri tetapi dengan perkembangan kemajuan alam semesta telah mewujudkan banyak lagi jenayah-jenayah yang berlipat ganda. Ini adalah wajar bahawa undang-undang ini perlu diberikan kuasa yang lebih untuk memberi pengajaran dan keinsafan kepada orang-orang yang terlanjur ataupun sengaja melakukan kesalahan-kesalahannya malahan juga untuk dapat memberi perlindungan

kepada mereka yang tidak berdosa dan teraniaya serta untuk menjamin nilai-nilai suci agama Islam itu sendiri. Cuma di dalam pelaksanaan dan bidang kuasa jenayah ini apabila kuasa ini diberi bererti Mahkamah Syariah juga dengan sendirinya telah ditingkatkan dan untuk mencapai segala tujuan dan matlamat mewujudkan kekuasaan dan peningkatan kuasa Mahkamah Syariah ini maka amatlah wajar perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tanggungjawab dan tugas-tugas pelaksanaan ini juga diberi perhatian supaya ianya benar-benar memberi penilaian dan benar-benar memberi fungsi yang lebih berkesan serta juga benar-benar akan membawa makna dan berimej. Dengan yang demikian, saya turut menyokong dan menyetujui di atas cadangan rakan-rakan saya yang berucap sebelum ini di mana bidang latihan yang khusus untuk meningkatkan kepakaran dan pengalaman para-para petugas, adalah wajar untuk diwujudkan peluang-peluang dan penglibatan yang boleh mereka yang berkenaan itu menyertainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menarik perhatian kepada pihak Kerajaan tentang cadangan-cadangan pindaan Akta-akta sepertimana yang dibentangkan ini kerana dalam kenyataan Yang Berhormat timbalan Menteri yang membentangkan pindaan ini tadi telah menjelaskan bahawa di antaranya pindaan ini perlu dan terpaksa dilaksanakan atau dibawa sebagai pindaan memandangkan beberapa akta ataupun Enakmen Pentadbiran Agama Islam di tiap-tiap negeri telah berlaku pindaan-pindaan yang bertentangan dengan kuasa-kuasa yang ada di dalam bidang kuasa jenayah mengikut Akta Mahkamah Syariah 1965.

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 sehingga sekarang ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri telah 18 tahun tidak pernah disemak dan dipinda. Ini baru satu dan banyak lagi Akta-akta dan perundangan-perundangan lain yang mungkin perlu disemak, dikaji dan dicadangkan penyelarasan ataupun pindaan-pindaan yang boleh membawa kebaikan yang lebih di masa-masa kini dan akan datang. Dengan yang demikian, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyemak, mengkaji dan mencadangkan pindaan-pindaan bagi menyelaraskan semua perundangan-perundangan khususnya mengenai perundangan Islam di negeri-negeri di Malaysia dan juga kepada menerap dan mengubahsuai perundangan-perundangan negara pada keseluruhannya sejajar dengan hasrat dan matlamat Kerajaan mengenai Islam di masa kini.

Saya yakin dan percaya sekiranya jawatankuasa khas ini dapat ditubuhkan yang bertanggungjawab khusus kepada bidang ini insya Allah sama ada cepat atau lambat kita akan dapat menyelesaikan masalah perundangan dengan menyelaraskan semua bidang menurut yang kita kehendaki terutama sekali ke arah penerapan sepenuhnya nilai-nilai Islam yang kita kehendaki.

Bila kita memperkatakan perundangan Islam dan nilai-nilai Islam kadangkala bagi setengah-setengah orang merasai ragu-ragu dan ada yang setengah-setengahnya merasai takut.

Yang sebenarnya nilai-nilai dan perundangan Islam tidak membawa kezaliman dan nilai-nilai dalam perundangan Islam juga adalah untuk ke arah membawa tamaddun Islam, tamaddun umah dan ke arah memberi

keadilan dan juga kesejahteraan kepada umat manusia bukan sahaja di dunia tetapi juga untuk di akhirat. Dengan yang demikian saya percaya bagi pihak Kerajaan tidak akan melengah-lengahkan untuk melaksanakan cadangan saya ini dan jika sedia ada tiap pihak yang bertanggungjawab sekarang perlulah juga dipertingkatkan tanggungjawab ini khususnya semoga hasrat dan matlamatnya juga adalah tertumpu dan tepat kepada matlamatnya dan bukan sahaja hanya apabila terantuk baru tengadah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dan pihak yang berkuasa perlu melaksanakan dengan sepenuhnya tanggungjawab ke atas hak dan peranannya bagi menjamin perpaduan, keamanan dan pengamalan iktikat yang betul di sisi agama khasnya Islam daripada anasir-anasir yang cuba mendapatkan kepentingan-kepentingan dengan memperalatkan Islam sendiri. Dengan erti kata yang lain saya percaya perlu juga diberi perhatian kepada takrif kesalahan-kesalahan jenayah Islam semoga takrif ini dapat diperluaskan bukan sahaja hanya di segi hukum tertentu tetapi juga menyeluruh di segi kemasyarakatan dan lain-lain. Kerana kita yakin dan percaya untuk apa pun matlamat kehendak kesempurnaan bagi sesuatu agama, ianya bergantung kepada masyarakat dan kepada pemeluk sesuatu agama. Dan dengan yang demikian berertilah kalangan individu dan masyarakat di dalam sesebuah negara perlulah mendapat bimbingan sewajarnya di segi nilai perundangan dan di segi nilai kawalan-kawalan peraturan.

Sekiranya keadaan ini dapat diberi perhatian maka pastilah di masa-masa yang akan datang kita akan dapat sekurang-kurangnya menghindarkan daripada kalangan mereka-mereka yang ingin memperalatkan kepentingan-kepentingan agama

untuk diri sendiri khasnya tentang agama Islam itu sendiri. Kerana agama adalah untuk seluruh umah dan tidak bagi sesiapa khasnya individu-individu itu sendiri untuk mendapat kepentingan daripada penggunaan agama.

Walaupun saya tidak menafikan bahawa setiap individu dan pemeluk-pemeluk agama mempunyai tanggungjawab dan haknya bagi menentukan pandangan dan pendapatnya berdasarkan nilai-nilai agama itu sendiri tetapi biarlah dapat memberi penilaian di segi akal dan bukan emosi atau perasaannya. Sekiranya penilaian dibuat hanya berdasarkan kepada perasaan pastilah sepertimana kata pepatah Melayu "ikut hati mati, ikut rasa binasa" kecuali dengan menggunakan akal iaitu satu-satunya mukjizat yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada kesempurnaan kemanusiaan itu sendiri maka itulah sahaja satu-satunya yang boleh memberi kesejahteraan kepada ummah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasai dukacita kerana banyak orang yang bercakap ataupun memperkatakan ke arah penyempurnaan pelaksanaan perkara-perkara yang berunsur nilai-nilai dan hukum-hukum Islam tetapi tidak bersikap untuk membantu dengan ikhlas dan tidak bersikap memberi penuh kerjasama ke arah mewujudkan hasrat kepada syariat yang diperkatakan. Inilah seperti kata yang biasa disebut-sebut iaitu "cakap tak serupa bikin."

Saya percaya, dengan adanya pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) dan pentakrifan yang mungkin dibuat dengan lebih luas untuk memberi penilaian kepada takrif nilai-nilai jenayah di dalam Akta ini akan dapat membawa kepada kejayaan khasnya kepada matlamat bagi membantu

masyarakat ataupun membimbing masyarakat ke arah menjadikan ummah sebagai manusia yang kamil, manusia yang sempurna dan dapat menilai di antara buruk dan baik serta juga dapat memberi sikap kesederhanaan, keluhuran, bertimbangrasa yang boleh membawa kepada keharmonian negara pada keseluruhannya.

Saya yakin dan percaya bahawa inilah yang sebenarnya kehendak kepada pindaan Akta, undang-undang yang berkenaan dengan agama ini mudah-mudahan dengan hasrat dan tujuan serta matlamat yang baik ini akan dapat membawa ke arah kebaikan yang lebih berjaya di masa-masa yang akan datang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacitanya memberi sokongan saya yang penuh kepada pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 ini untuk diterima dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.08 ptg.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat peluang bersama-sama mengikuti dan membahaskan Rang Undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun telah banyak daripada rakan-rakan saya membahaskan Akta ini, saya ingin juga memberi sedikit pandangan semoga dengan pandangan-pandangan ini akan dapat bersama-sama berfaedah demi menuju kepada arah yang baik dan matlamat hasrat Kerajaan kita.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha Kerajaan untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi bidang kuasa Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Majistret, semoga dengan langkah-langkah Kerajaan ini membuktikan betapa tingginya hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Dengan ini apabila dapat diperluaskan bidang Mahkamah Syariah bermakna akan bertambahlah peruntukan yang diberi ke atas kes-kes kesalahan jenayah. Dengan denda-denda yang tinggi ini agar pihak penjenayah-penjenayah akan dapat memikirkan dan menyilukan bagi mereka yang melakukan sesuatu jenayah yang tidak diingini, sama ada dalam Islam ataupun negara.

Selama dekat 30 tahun Malaysia telah mencapai kemerdekaan yang mana agama Islam adalah agama rasmi Kerajaan Malaysia, maka sekarang barulah sampai kepada peringkat ditinggikan kedudukan Mahkamah Syariah ke bidang kuasa jenayah yang lebih tinggi dan sesuai dengan keadaan masa dan waktu. Dengan adanya penilaian-penilaian ini semoga umat Islam sendiri menambah kenal ketinggian Islam itu sendiri disebabkan setengah-setengah umat Islam sendiri mereka tahu ketinggian Islam itu akan tetapi nilai-nilai ketinggian itu tidak dapat disukat dengan ketinggian-ketinggian yang lain daripada Islam. Masalahnya dalam segi kedudukan Mahkamah Syariah, bidang kuasa yang ada sekarang kalau dikira-kirakan dengan kedudukan-kedudukan yang sebenarnya mestilah kedudukan itu mahu dipertinggi lebih lagi sebab mahkamah-mahkamah yang ada di negara kita ini, sebagaimana yang saya tahu semoga betullah apa yang saya tahu ini, iaitu mula-mulanya Mahkamah Penghulu, kemudian Mahkamah Majistret, kemudian Mahkamah Tengah dan Mahkamah

Tinggi atau Mahkamah Agung. Begitulah tingkatan-tingkatan yang ada mahkamah-mahkamah di Malaysia ini.

Hari ini kita sampai atau seimbang dengan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Syariah yang kita bahas pada hari ini ialah sama pertimbangannya dengan Mahkamah Majistret. Walau macam mana sekalipun semoga tidaklah dia mati setakat ini, semoga di masa-masa yang lain dengan adanya hasrat Kerajaan benar-benar untuk menerapkan nilai-nilai Islam itu semoga dari masa ke semasa akan ditingkatkan kepada tingkat yang lebih tinggi daripada Mahkamah Majistret yang ada ini. Sebab apabila disebut Islam hadis Nabi Muhammad s.a.w. bermaksud; Islam tinggi; tidak ada satu agama ataupun tidak ada suatu yang lebih tinggi. Oleh yang demikian kalau memandang kepada hadis ini beradanya Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) seimbang dengan Mahkamah Majistret jauh lagi mahu sampai kepada peringkat yang dimaksudkan Islam itu tinggi, tidak ada agama yang lebih tinggi atau sesuatu yang lebih tinggi daripada itu. Sungguhpun begitu langkah Kerajaan adalah bijak, sebab Islam adalah sesuatu seperti orang Arab kata dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dipanggil "bidtadrim", maknanya dengan sedikit-sedikit dia tidak boleh secara terus-menerus, sekali gus—beransur-ansur. Jadi hampir 30 tahun kita merdeka, kita dapat imbangkan Mahkamah Syariah kita dan bidang kuasanya kepada peringkat seimbang dengan Mahkamah Majistret. Insya Allah lagi 30 tahun kita akan pergi kepada seimbang dengan Mahkamah Tengah, jadi bilakah akan sampai dan seimbang dengan Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang saya katakan langkah Kerajaan itu

bijak? Sesuatu ialah dengan beransur-ansur, bukan sahaja dalam segi mahkamah ataupun sesuatu undang-undang hendak dibuat, bahkan itu adalah satu asas pengajaran daripada Allah s.w.t. sendiri, sesuatu ialah dengan beransur-ansur, tidaklah seperti anggapan setengah-setengah atau segelintir manusia yang mahu sesuatu itu mesti dengan sekali gus, kerana secara sekali gus ini bukanlah suatu ajaran Allah. Ajaran Allah seperti Allah mengharamkan arak tidaklah mula-mula Muhammad s.a.w. datang apabila mengislamkan orang-orang Musrikin di Mekah dan Madinah, maka ketika itulah Allah mengharamkan arak yang disukai oleh orang-orang Arab itu—tidak, iaitu memakan masa yang lama.

Mula-mula sekali Allah memberitahu arak jangan diminum, jangan sembahyang masa mabuk dan Allah berfirman dengan maksud; jangan kamu hampir dengan sembahyang ketika kamu mabuk, kerana di antara sahabat-sahabat Nabi selepas sembahyang Magrib mereka berbual-bual, minum arak, selepas itu sembahyang Isa' sehingga mereka tidak tahu apa yang hendak dibaca, sehingga sesat ayat-ayat, tidak boleh hendak dihabiskan. Jadi sebab itu Allah memerintahkan dengan maksud; jangan kamu dekat dengan sembahyang masa kamu mabuk, tetapi tidak diceritakan fasal haram ini, tidak mengatakan haram arak, cerita jangan sembahyang masa mabuk; dan jangan kamu hampir sembahyang masa kamu mabuk hingga kamu tahu apa yang kamu baca, apa yang kamu baca jadi tahu.

Jadi sahabat-sahabat pun tidaklah sembahyang masa mabuk hinggalah sahabat-sahabat sendiri sudah rasa bosan dengan arak ini dan pernah dengan arak ini menjadi perkelahian dan pernah ibadat jadi tidak tentu arah. Kemudian di antara sahabat-sahabat termasuklah Saidina Umar

sendiri mengadap Rasulullah supaya Rasulullah memohon kepada Allah supaya diharamkan arak ini. Dengan permintaan kaki-kaki arak sendirilah supaya mengharamkan arak barulah turun ayat:

Kata oleh mu Ya Muhammad, apabila ditanya kamu dalam perkara arak dan judi, katakanlah kedua-dua ini dosa besar.

Jadi, terus orang terima dengan tidak ada suatu komplek, dengan hati yang tabah, dengan iman yang kukuh, masing-masing pun tak minum arak.

Jadi, dalam petikan inilah saya rasakan menasabah dengan negara kita ini berbilang bangsa dan berbilang agama ini pun mustahak dipertimbangkan, kenapa? Kerana Islam tidak menyuruh kepada orang-orang Islam menganiaya atau tekan kepada orang-orang yang bukan Islam, lebih-lebih lagi sekiranya peringkat Islam itu tercapai kepada tampuk pemerintahan ataupun Presiden itu terdiri daripada orang Islam sendiri, maka terpaksa kena imbang dan mempertimbangkan dengan seadil-adil kehidupan dan kedudukan orang-orang yang bukan Islam yang berada dalam negara itu asalkan orang-orang yang bukan Islam itu tidak mengacau, kecuali dia mengacau. Apabila mengacau ataupun cuba mahu menghalaukan orang Islam, makna orang bukan Islam ingin mahu menghalaukan orang-orang Islam itu barulah Allah suruh mempertahankan, tetapi kalau duduk baik-baik, cari makan sama-sama, hidup sama-sama sehingga di dalam mazhab Hanafi boleh, harus orang-orang Islam keluar zakat fitrah kepada orang-orang kafir ataupun orang-orang yang bukan Islam yang berada dalam negara kita yang duduk dengan aman damai, bagus, tidak kacau, tidak khianat, harus dalam mazhab Hanafi boleh mengeluarkan zakat

fitrah kepada orang-orang itu. Maknanya orang-orang Islam boleh keluar zakat fitrah kepada orang yang bukan Islam supaya keluar maknanya pandangan-pandangan orang-orang yang bukan Islam ini memandang Islam kemuliaan dan kesucian Islam itu sendiri.

Kemudian, apa yang penting di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggambarkan tentang kedudukan Mahkamah Syariah ini. Hari ini Mahkamah Syariah ini berada di bawah naungan Pejabat Agama di tiap-tiap Negeri, begitulah kalau tak silap saya. Jadi kita ini bahas dalam Parlimen sedangkan Mahkamah Syariah ini berada di bawah naungan Pejabat Agama, begitulah kalau tak silap saya. Jadi, sebab itulah kadang-kadang jadi Mahkamah Syariah sendiri ini tak tahu bapanya di mana, Pejabat Agamakah, Jabatan Perdana Menteri, Kerajaan Negerikah, tak tahu dia ini duduk di mana. Sekarang kita hendak ajak dia duduk di mana? Saya ingin bertanya kepada Menteri ataupun Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendak kita mahu ajak Mahkamah Syariah ini berada di mana? Sebab, kalau tak tahu duduk di mana, siapa bapanya, susah; anak angkatkah, anak betulkah, hendak kata anak tiri itu kasar sangat.

Oleh yang demikian, saya harap di dalam Dewan yang mulia ini tentukan dia akan berada di mana, tetapi rasa saya selagilah duduk di bawah naungan Pejabat Agama susah sedikit, sebab apa kadang-kadang apabila bicara sesuatu kes sampai kepada peringkat "subpoena"—hendak sebut pun saya tak berapa erti fasal tak pernah jadi Kadi, kadang-kadang pinjam Mufti jadi Hakim, tak pernah jadi hakim—jadi hakim; sudah mahkamah sendiri tak tentu arah. Jadi ini menunjukkan bahawasanya kedudukan mahkamah ini tak tahu di mana.

Kemudian pergi pula kepada ciri-ciri anak-anak mahkamah ini pula, misalan kita kata Pegawai-pegawai Pencegah Maksiat. Dia ini bekerjanya dengan Mahkamah Syariahlah kiranya, tetapi ambil kebenaran hendak tangkap orang berkhawat ambil kebenaran Polis. Kena kepada Polis yang suka mengorat, dia tak beri langsung kebenaran ini. Kena Polis yang lebai sedikit, dia berilah kebenaran. Jadi Pencegah Maksiat sendiri ini dia sendiri bingung macam mana hendak buat kerja ini. Sudahlah begitu, kadang-kadang kebenaran diberi oleh Polis itu geli hati. Kenapa geli hati? Kebenaran suruh tangkap misalan orang berkhawat di hotel sekian, nombor bilik misalan nombor 40, jadi dia pun pergilah bilik nombor 40 ini. Kalau sekiranya orang berkhawat itu masuk ke bilik nombor 41, fasal dalam itu dia boleh buka—"connecting door" (*Ketawa*) sudah tak boleh tangkap. Jadi dia pergi ke situ sudah tak boleh ditangkap, jadi apa kerja ini? Kebenaran diberi tangkap tepi pantai, misalannya Batu Buruk—ini misalan, apabila dia pergi pula ke

pantai lain tengoklah orang-orang duduk beromenlah kita katakan (*Ketawa*) tak boleh buat apa, tak boleh hendak tangkap sebab kebenaran pantai itu, jadi main-main.

Jadi, kononnya kata orang daripada tidak, baiklah ada. Maknanya daripada tak ada Pencegah Maksiat, baguslah ada, begitu sahajalah. Kalau sekiranya kena-kena pula misalan yang dia kenal, Polis sendiri misalannya, Polis pun ada juga yang nakal-nakal, bukan semua Polis tak ada yang nakal, kenal sendiri sudah, diam sahajalah, pakai kenytit begitu, kenytit mata sudah pakai tak tangkap langsung. Oleh yang demikian, biarlah kita tentukan di mana . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok boleh sambung lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*